

## 1. RINGKASAN PROSPEKTUS

Maklumat yang dibentangkan di bawah dipetik daripada, dan hendaklah dibaca bersama dengan, teks penuh Prospektus ini.

### 1.1 SEJARAH DAN KEGIATAN UTAMA

THB telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 pada 20 Oktober 1995 sebagai syarikat sendirian berhad di bawah nama Exclusive Symbol Sdn Bhd. Nama Syarikat telah ditukar kepada Tomisho Holding Sdn Bhd pada 2 Februari 1996 dan kepada Tomisho Holdings Sdn Bhd pada 27 November 1996. Ia kemudiannya telah ditukar kepada syarikat awam berhad di bawah nama semasanya pada 16 November 1997. Modal sahamnya yang dibenarkan pada masa ini ialah RM50,000,000 terdiri daripada 50,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dan modal saham yang diterbitkan dan berbayarnya ialah RM34,000,003, terdiri daripada 34,000,003 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.


Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat adalah seperti berikut:-

Syarikat	Kepentingan Ekuiti Berkesan	Kegiatan Utama
<b>Pengilangan</b>		
Tomisho	100%	Mengilang dan mengeksport bahagian komponen perabut, bahagian perindustrian dan kejuruteraan
ASWP	100%	Mengilang dan mengeksport perabot serpai kayu, bahagian dan komponen divenir
SY	51%	Memproses rawatan kayu getah, pengilang dan perdagangan kayu beracuan dan pengilang perabot kayu getah
TW	100%	Lengai
<b>Runcit</b>		
Apota	100%	Pengedaran dan peruncitan perabot, hiasan dalaman, peralatan dan aksesori golf
FD	100%	Pengedaran dan peruncitan perabot
LC	100%	Peruncitan perabot, artifaks, alat-alat tempat tidur dan set sofa
<b>Kerja kontrak dan pengubahsuaian</b>		
AF	100%	Kontraktor am dan perunding hiasan dalaman
<b>Lain-lain bahagian</b>		
PCC	100%	Perdagangan rantai pengakut dan bahagian-bahagian kejuruteraan
TP	100%	Lengai
<b>Bahagian luar negara</b>		
TS (UK)	100%	Pejabat pemasaran luar negara

\* Dengan 49% pemegangan saham lagi dipegang oleh Ng Ah Chai (1,510,000 saham), Lee Soo Seng (490,000 saham) dan Chee Ah Kuan (450,000 saham)

## 1. RINGKASAN PROSPEKTUS (Sam<sup>b</sup>)

Struktur korporat Kumpulan THB adalah seperti berikut:-



\* Kecuali TS (UK) yang mana telah diperbadankan di England and Wales, kesemua syarikat lain diperbadankan di Malaysia.

---

## 1. RINGKASAN PROSPEKTUS (*Samb*)

---

### 1.2 PEMILIKAN DAN PENGURUSAN

Pasukan pengurusan THB diketuai oleh Pengarah Urusan, En. Lim Eng Huat. Sebagai pengasas THB, beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam industri perabot dan telah bertanggungjawab bagi keseluruhan pembangunan perniagaan dan perumusan polisi dan rancangan strategik Kumpulan. Selaras dengan kepentingan beliau dalam Eastern Premium Sdn Bhd dan Kota Infotek Sdn Bhd, En Lim mempunyai pemegangan saham tak langsung sebanyak 17,310,998 saham dalam THB (membentuk 43.12% daripada modal saham THB yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan selepas Terbitan Awam).

Pasukan pengurusan kanan Kumpulan THB terdiri daripada personel dengan keupayaan yang khusus dan berpengalaman dalam bidang masing-masing iaitu rekabentuk, pengilangan, perancangan pengeluaran, kawalan kualiti, R&D, pemasaran dan pengurusan sumber kemanusiaan. Personel-personel ini telah memainkan peranan yang penting dalam membawa THB menjadi pengilang perabot yang progresif pada hari ini.

### 1.3 PERTIMBANGAN PELABURAN

Pemohon-pemohon bagi Saham Terbitan Awam haruslah mempertimbangkan dengan teliti kesemua maklumat yang terkandung dalam Prospektus ini dan khususnya, pertimbangan pelaburan berikut sebelum membuat permohonan:-

(a) **Tiada pasaran Terdahulu bagi Saham THB**

Sebelum Terbitan Awam ini, tiada pasaran awam bagi saham-saham THB. Tiada jaminan bahawa pasaran yang cergas bagi saham-saham THB akan wujud semasa penyenaraianya di Papan Kedua BSKL.

(b) **Risiko Perniagaan**

THB adalah tertakluk kepada risiko-risiko tertentu yang terdapat dalam industri perabot. Walaupun Kumpulan berusaha untuk menghadkan risiko-risiko ini, namun tiada jaminan boleh diberi bahawa sebarang perubahan pada faktor-faktor ini tidak akan mendatangkan kesan buruk yang material kepada perniagaan Kumpulan.

(c) **Persaingan**

THB mempunyai persaingan daripada pengilang-pengilang perabot tempatan dan luar negara. Tidak ada jaminan bahawa Syarikat akan dapat menambah atau mengekal bahagian pasaranya yang sedia ada pada masa hadapan.

(d) **Faktor Politik, Ekonomi dan Alam Sekitar**

Perkembangan politik dan ekonomi di Malaysia dan dalam pasaran eksport luar negeri THB boleh menjelaskan secara material prospek kewangan dan keberuntungan THB.

## 1. RINGKASAN PROSPEKTUS (*Samb*)

### (e) Pergantungan kepada Personel Utama

Kejayaan berterusan Kumpulan THB akan banyak bergantung kepada kebolehan dan usaha berterusan para Pengarah dan pengurusan kanannya yang sedia ada.

### (f) Turun Naik Tukaran Asing

Pendedahan THB kepada turun naik tukaran asing melalui eksportnya dan juga kepentingan lanjutnya, importnya. Tiada jaminan boleh diberi bahawa Kumpulan akan berjaya meminimumkan mana-mana kerugian akibat daripada turun naik mata wang yang buruk di masa hadapan.

### (g) Pemegang Saham Mengawal

Berikutcadangan Pengapungan, Lim Eng Huat, Lim Eng Ann, Eastern Premium Sdn Bhd dan Kota Infotek Sdn Bhd akan secara kolektif memegang 43.12% daripada modal saham THB yang diterbitkan dan berbayar dan akan dengan demikian akan mempunyai kawalan berkesan ke atas THB.

### (h) Ramalan Keuntungan

Tiada jaminan boleh diberi bahawa ramalan keuntungan yang terkandung dalam Prospektus ini boleh dicapai.

### (i) Pematuhan Tahun 2000

Walaupun THB yakin bahawa mereka telah mengambil kesemua langkah yang perlu untuk menghapuskan risiko-risiko yang berkaitan dengan isu Tahun 2000, tidak ada jaminan boleh diberi bahawa Kumpulan tidak akan terjejas secara material melalui pendedahan pihak-pihak luar.

## 1.4 SOROTAN KEWANGAN

Jadual berikut membentangkan ringkasan proforma keputusan kewangan disatukan Kumpulan THB bagi dua (2) tahun kewangan berakhir 31 Julai 1996, kewangan teraudit disatukan Kumpulan THB untuk tempoh kewangan berakhir 31 Julai 1996 dan untuk tiga (3) tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999. Jadual disediakan untuk tujuan gambaran sahaja dan hendaklah dibaca bersama dengan nota-nota mengiringinya dan andaian-andaian yang dimasukkan dalam Laporan Akauntan yang dibentangkan dalam Seksyen 11 Prospektus ini.

	<b>←--Proforma--→</b> <b>←Tahun kewangan berakhir 31 Julai--→</b> <b>1995            1996</b> <b>RM'000          RM'000</b>		<b>←-----Teraudit-----→</b> <b>←-----Tahun kewangan berakhir 31 Julai-----→</b> <b>20.10.1995      1997      1998      1999</b> <b>to                RM'000    RM'000    RM'000</b> <b>31.7.1996                    RM'000</b>			
Jumlah dagangan	36,798	57,132	14,872	76,129	105,844	131,137
Keuntungan sebelum perkara terkecuali	4,264	9,628	4,001	13,540	18,357	28,535
Susutnilai	(643)	(1,142)	(315)	(2,739)	(3,975)	(7,420)
Perbelanjaan faedah	(744)	(1,390)	(411)	(3,024)	(2,948)	(6,664)
Pendapatan faedah	-	-	57	230	337	307
Perkara terkecuali	-	-	-	-	-	(1,378)
Keuntungan sebelum cukai	2,993	7,096	3,332	8,007	11,771	13,380
Cukai	(1,059)	(2,320)	(778)	(1,556)	(4,044)	(2,061)

**1. RINGKASAN PROSPEKTUS (*Samb*)**

	←Proforma→ ←Tahun kewangan berakhir 31 Julai→ 1995 RM'000		20.10.1995 to 31.7.1996 RM'000	Teraudit ←Tahun kewangan berakhir 31 Julai→ 1997 RM'000			1998 RM'000	1999 RM'000
Keuntungan selepas cukai tetapi sebelum kepentingan minoriti	1,943	4,776		2,554	6,451	7,727	11,319	
Kepentingan minoriti	(68)	(511)		-	-	-	(1,125)	
Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti	1,866	4,265		2,554	6,451	7,727	10,194	
Modal saham diterbitkan dan berbayar ('000)	-	12,000		12,000	22,000	34,000	34,000	
Proforma/Purata wajaran bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam terbitan ('000)	12,000	12,000		12,000	20,733	30,055	34,000	
EPS kasar (sen)	24.4	54.9		27.8	38.6	39.2	36.0	
EPS bersih (sen)	15.6	35.5		21.3	31.1	25.7	29.9	

**Nota:-**

1. Peningkatan keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1996 disebabkan oleh prestasi meningkat Tomisho dan SY.
2. Peningkatan yang besar dalam jumlah dagangan dan keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1997 dan 1998 boleh dikaitkan terutamanya kepada peningkatan jualan eksport Tomisho.
3. Peningkatan dalam jumlah dagangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 disebabkan terutamanya oleh pengambilalihan SY pada tahun tersebut, yang menyumbangkan jumlah dagangan kira-kira RM11 juta dan keuntungan selepas cukai kira-kira RM1.2 juta.
4. Peningkatan keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 disebabkan oleh tahun 1999 merupakan tahun pengecualian cukai serta keuntungan tambahan yang disumbangkan oleh SY yang telah diambil alih oleh Tomisho pada tahun tersebut.
5. Perkara terkecuali bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 berkaitan dengan penghapusan kira aset yang musnah dalam kebakaran di Tomisho pada tahun tersebut.
6. Tiada perkara luar biasa dalam mana-mana tahun kewangan di bawah kajian.
7. Perolehan kasar setiap saham telah dikira berdasarkan keuntungan sebelum cukai dan selepas kepentingan minoriti dibahagi dengan proforma atau purata wajaran bilangan saham biasa bbernilai RM1.00 sesaham dalam terbitan bagi tahun masing-masing. Perolehan bersih setiap saham telah begitu juga dikira berdasarkan keuntungan selepas cukai dan selepas kepentingan minoriti.

Anak-anak syarikat THB berikut telah dibeli/ditubuhkan pada tahun/ tempoh kewangan berakhir :

<b>Anak-anak syarikat</b>	<b>Tahun/ Tempoh berakhir</b>
Tomisho, Apota, PCC, ASWP, AF, TP	31 Julai 1996
LC	31 Julai 1997
TW, TS (UK), FD	31 Julai 1998
SY	31 Julai 1999

**1. RINGKASAN PROSPEKTUS (Samb)****1.5 PERANGKAAN PENTING BERHUBUNG DENGAN TERBITAN AWAM****(a) Modal Saham**

<i>Dibenarkan</i>	<b>RM</b>
50,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	<u>50,000,000</u>
<i>Diterbitkan dan berbayar pada tarikh Prospektus ini</i>	
34,000,003 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	34,000,003
<i>Akan diterbitkan selaras dengan Terbitan Awam</i>	
6,150,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	<u>6,150,000</u>
	<u>40,150,003</u>

**(b) Harga terbitan setiap saham biasa bernilai RM1.00 sesaham**      **RM2.00**

<b>(c) Proforma NTA Kumpulan</b>	<b>RM</b>
Proforma NTA Kumpulan pada 31 Julai 1999 <i>(Selepas menolak anggaran perbelanjaan penyenaraian sebanyak RM1,200,000)</i>	65,006
Proforma NTA Kumpulan setiap saham <i>(Berdasarkan modal saham yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan sebanyak 40,150,003 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham)</i>	1.62

**(d) Ramalan Keuntungan Disatukan**

<b>Tahun Kewangan Akan Berakhir 31 Julai 2000</b>	<b>RM'000</b>
Keuntungan disatukan sebelum cukai tetapi selepas kepentingan minoriti	17,108
Tolak: Cukai	<u>(4,717)</u>
Keuntungan disatukan selepas cukai dan kepentingan minoriti	12,391

**Berdasarkan purata wajaran bilangan saham dalam terbitan 36,562,000 atas andaian bahawa Terbitan Awam akan selesai dilaksanakan pada Februari 2000**

EPS kasar (sen)	46.8
Pengganda PE kasar berdasarkan harga terbitan RM2.00 setiap saham (kali)	4.3
EPS bersih (sen)	33.9
Pengganda PE bersih berdasarkan harga terbitan RM2.00 setiap saham (kali)	5.9

---

**1. RINGKASAN PROSPEKTUS (*Samb*)**

---

**Berdasarkan bilangan saham dalam terbitan yang diperbesarkan sebanyak 40,150,003**

EPS kasar (sen) 42.6

Pengganda PE kasar berdasarkan harga terbitan RM2.00 setiap saham biasa (kali) 4.7

EPS bersih (sen) 30.9

Pengganda PE bersih berdasarkan harga terbitan RM2.00 setiap saham biasa (kali) 6.5

**(e) Ramalan Dividen**

**Tahun Kewangan Akan Berakhir 31 Julai 2000**

Dividen dikecualikan cukai setiap saham (sen) 5.0

Kadar hasil dividen (%) 2.5

Lindungan dividen bersih berdasarkan modal saham yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan sebanyak 40,150,003 saham biasa (kali) 6.17

## 2. MAKLUMAT KORPORAT

### LEMBAGA PENGARAH

Nama	Alamat	Pekerjaan	Warganegara
Lim Eng Huat	28, Jalan SS2/79 47300 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan	Pengerusi dan Pengarah Urusan	Malaysia
Lim Eng Ann	16, Jalan SS23/37 47400 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan	Pengarah Eksekutif	Malaysia
Zahari bin Kechik	Pekan Batu Gajah 17510 Tamah Merah Kelantan	Pengarah Eksekutif	Malaysia
Kee Lian Yong	8, Jalan SL 3/2 Bandar Sungai Long 43000 Kajang Selangor Darul Ehsan	Pengarah	Malaysia
Lim Seng Chai	No. 34, Jalan Kajang 2 Taman Sri Kajang 43000 Kajang Selangor Darul Ehsan	Peguambela & Peguamcara	Malaysia
Md Nahar bin Noordin	1572 Jalan Merpati Taman Ulu Kelang 68000 Ampang Selangor Darul Ehsan	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	Malaysia
Liew Yong Choon	1, Jalan Perdana 9/3 Pandan Perdana 55300 Kuala Lumpur	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	Malaysia
Siew Boon Yeong	B301 Casa Mila Condo Bukit Idaman 68100 Batu Caves Selangor Darul Ehsan	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	Malaysia

### JAWATANKUASA AUDIT

Nama	Tanggungjawab	Keahlian Pengarah
Siew Boon Yeong	Pengerusi jawatankuasa audit	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Lim Eng Huat	Ahli jawatankuasa	Pengerusi dan Pengarah Urusan
Liew Yong Choon	Ahli jawatankuasa	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**2. MAKLUMAT KORPORAT (*Samb*)**

---

<b>SETIAUSAHA SYARIKAT</b>	:	Tai Siew May MAICSA 7015823 F2.02.11 Persiaran Kewajipan Subang Perdana Goodyear Court 6, 47610 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan
<b>PEJABAT BERDAFTAR</b>	:	Tingkat 16, Menara Summit Persiaran Kewajipan, USJ 1 47600 UEP Subang Jaya Selangor Darul Ehsan
<b>BANK-BANK UTAMA</b>	:	Standard Chartered Bank Malaysia Berhad Cawangan Petaling Jaya 30-36 Jalan 52/4 46200 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan
		Arab-Malaysian Bank Berhad Tingkat Bawah, Plaza See Hoy Chan Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur
		Perwira Affin Merchant Bank Berhad Tingkat 26, Menara Boustead 69 Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur
<b>JURUAUDIT DAN AKAUNTAN MELAPOR</b>	:	KPMG ( <i>dahulunya dikenali sebagai KPMG Peat Marwick</i> ) (No Firma. AF 0758) Akauntan Awam Wisma KPMG Jalan Dungun Damansara Heights 50490 Kuala Lumpur
<b>PEGUAMCARA BAGI TERBITAN AWAM</b>	:	Abdullah, Ooi & Chan Lot 17.03, Tingkat 17 Menara MCB Changkat Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur
<b>RUMAH TERBITAN</b>	:	Malaysian Issuing House Sdn Bhd Tingkat 27, Menara Multi-Purpose Capital Square No 8, Jalan Munshi Abdullah 50100 Kuala Lumpur
<b>PENDAFTAR</b>	:	Signet & Co. Sdn Bhd Tingkat 11, Blok Menara Kompleks Antarabangsa Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur

**2. MAKLUMAT KORPORAT (*Samb*)**

---

**PENASIHAT DAN PENGURUS  
TAJA JAMIN** : Perwira Affin Merchant Bank Berhad  
Tingkat 27, Menara Boustead  
69 Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur

**PENAJA-PENAJA JAMIN** : Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad  
Tingkat 21 - 25  
Bangunan Arab Malaysia  
55 Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur

Hwang-DBS Securities Berhad  
Aras 8  
Wisma Sri Pinang  
60 Green Hall  
10200 Pulau Pinang

Kuala Lumpur City Securities Sdn Bhd  
23-1 Jalan Sri Hartamas 7  
Sri Hartamas  
50480 Kuala Lumpur

MIDF Sisma Securities Sdn Bhd  
Tingkat 17 & 18, Empire Tower  
182 Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

**PENYENARAIAN DIPOHON** : Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur

### **3. PERTIMBANGAN PELABURAN**

---

Pemohon-pemohon Saham Terbitan Awam harus mempertimbangkan dengan teliti semua maklumat yang terkandung dalam Prospektus ini dan terutamanya pertimbangan pelaburan yang berikut sebelum membuat permohonan:-

**(a) Tiada Pasaran Terdahulu bagi Saham THB**

Sebelum Terbitan Awam ini, tiada pasaran awam bagi saham-saham THB. Tiada jaminan bahawa pasaran yang cergas bagi saham-saham THB akan wujud apabila ia disenaraikan di Papan Kedua BSKL, atau jika wujud, tiada jaminan bahawa pasaran tersebut akan berterusan. Harga terbitan RM2.00 bagi Saham Terbitan Awam ini telah ditentukan selepas mempertimbangkan beberapa faktor, termasuk tetapi tidak terhad kepada sejarah dan keadaan kewangan dan pengendalian Kumpulan, prospeknya dan prospek bagi industri di mana Kumpulan beroperasi, pengurusan THB, harga pasaran bagi saham syarikat-syarikat yang bergiat dalam perniagaan yang sama dengan perniagaan Kumpulan serta keadaan pasaran semasa.

**(b) Risiko Perniagaan**

THB tertakluk kepada risiko-risiko tertentu yang wujud dalam industri perabot. Ini termasuk terdapatnya bahan mentah pada harga yang menjimatkan, penawaran buruh dan kos buruh, perubahan dalam ekonomi, industri perabot, rangka undang-undang, keadaan kredit dan kadar faedah. Walaupun Kumpulan berusaha untuk mengehadkan risiko-risiko ini, namun tiada jaminan boleh diberi bahawa faktor-faktor ini tidak akan mendarangkan sebarang kesan buruk yang besar kepada perniagaan Kumpulan.

**(c) Persaingan**

THB menghadapi persaingan daripada pelbagai pengilang perabot tempatan dan asing. Dengan melabur dalam R&D dan membentuk jenamanya sendiri, THB berusaha untuk membina reputasinya dari aspek reka bentuk yang berkualiti dan pembezaan keluarannya untuk memperoleh kelebihan bersaingan di pasaran-pasaran terpilihnya. Tiada jaminan bahawa Syarikat akan dapat meningkatkan atau mengekalkan bahagian pasarannya yang sedia ada pada masa depan.

**(d) Faktor Politik, Ekonomi dan Alam Sekitar**

Perkembangan politik dan ekonomi di Malaysia dan di pasaran eksport asing THB boleh mendarangkan kesan yang besar dan menjelaskan prospek kewangan dan keberuntungan THB. Ini termasuk risiko rusuhan, perpeperangan, kemelesetan ekonomi sejagat atau serantau, serta dasar-dasar dan peraturan-peraturan kerajaan yang tidak menggalakkan. Isu alam sekitar juga akan turut dipertimbangkan kerana THB bergiat terutamanya dalam industri perabot.

**(e) Pergantungan kepada Personel Utama**

Kejayaan Kumpulan yang berterusan akan banyak bergantung kepada kebolehan dan usaha berterusan para Pengarah dan pengurusan kanannya yang sedia ada. Kehilangan mana-mana Pengarah atau ahli utama pasukan pengurusannya yang sedia ada boleh menjelaskan operasi Kumpulan, meskipun hanya buat sementara. Para Pengarah THB memainkan peranan yang aktif dan penting dalam perancangan dan pelaksanaan keseluruhan strategi perniagaan Kumpulan, manakala pasukan pengurusan kanan menggunakan pengalaman dan kemahiran masing-masing dalam mengendalikan perniagaan Kumpulan. Selain itu, ahli-ahli pasukan pengurusan yang lebih muda dilatih dan dipersiapkan untuk memastikan peralihan pengurusan yang lancar pada masa depan.

### 3. PERTIMBANGAN PELABURAN (*Samb*)

#### (f) Turun Naik Tukaran Asing

THB terdedah kepada turun naik tukaran asing melalui eksportnya dan sedikit sebanyak melalui importnya. Risiko turun naik tukaran asing telah dihadkan sejak kadar tukaran tetap dikenakan ke atas RM berbanding Dolar Amerika (RM3.80 kepada AS\$1.00) pada September 1998.

#### (g) Pemegang Saham Mengawal

Berikut Pengapungan Cadangan, Lim Eng Huat, Lim Eng Ann, Eastern Premium Sdn Bhd dan Kota Infotek Sdn Bhd ("Pemegang Saham Mengawal") secara kolektif akan memegang kira-kira 43.12% daripada modal saham diterbitkan dan berbayar THB. Pemegang Saham Mengawal akan dapat menggunakan hak mengundi yang ada pada saham-saham mereka dari segi hal-hal yang memerlukan kelulusan para pemegang saham, seperti pemilihan para pengarah. Oleh yang demikian, Pemegang Saham Mengawal boleh menggunakan pengaruh mereka yang besar dalam hal-hal yang memerlukan undi para pengarah Syarikat, kecuali mereka dikehendaki tidak mengundi oleh undang-undang dan/atau oleh mana-mana pihak berkuasa.

#### (h) Ramalan Keuntungan

Prospektus ini mengandungi ramalan keuntungan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2000 yang berdasarkan andaian-andaan yang munasabah yang tertakluk kepada ketidaktentuan dan kontigensi. Oleh yang demikian, tiada jaminan boleh diberi bahawa ramalan yang terkandung di sini akan terealis, dan hasil-hasil sebenar mungkin sangat berbeza daripada ramalan. Para pelbur dianggap telah membaca dan memahami andaian-andaan dan ketidaktentuan yang mendasari ramalan kewangan ini.

#### (i) Pematuhan Tahun 2000

Isu Tahun 2000 ("Pepijat Alaf") timbul daripada penggunaan peralatan elektronik dan sistem berkomputer, pangkalan data dan penggunaan yang memerlukan tarikh untuk mengendalikan dan menyimpan atau menggunakan tarikh-tarikh tersebut sebagai dua (2) digit (misalnya 00) dan bukannya empat (4) digit (misalnya 1900, 2000). Apabila bermulanya tahun 2000, sistem, pangkalan data dan penggunaan ini mungkin gagal memproses dengan betul rujukan tarikh dua digit dan menyalahafsirkan "00" dalam median tahun sebagai tahun "1900" dan bukannya tahun "2000". Ini boleh menyebabkan kegagalan sistem dan pelbagai akibat yang hanya boleh dipastikan sepenuhnya dari 1 Januari 2000. Setakat tarikh Prospektus ini, Kumpulan THB tidak mengalami sebarang masalah berkaitan dengan isu Tahun 2000.

THB menyedari risiko-risiko yang mungkin didatangkan oleh Pepijat Alaf ke atas sistem komputer dan telekomunikasi, peralatan dan mesin yang menggunakan mikrocip serta perisian yang tidak mematuhi Tahun 2000. Oleh yang demikian, ia telah mengambil langkah-langkah untuk menangani dan menyelesaikan penukaran atau penggantian teknologi yang tidak mematuhi keperluan Tahun 2000. THB telah membelanjakan anggaran RM350,000 untuk mempertingkatkan dan menggantikan perkakasan dan perisian yang menelan belanja seperti berikut:-

Penerangan	Jumlah (RM)
Mempertingkatkan perisian sistem senarai gaji (Quick Pay)	2,150
Memasang perisian tempat jualan yang baru untuk mesin daftar tunai	78,555
Mempertingkatkan sistem kewangan	271,258
<b>JUMLAH</b>	<b>351,963</b>

---

### 3. PERTIMBANGAN PELABURAN (*Samb*)

---

Pada Mei 1998, THB telah menubuhkan jawatankuasa Tahun 2000 yang diketuai oleh Pengarah Urusan dan dibantu oleh Pengawal Kewangannya untuk menangani isu Tahun 2000. Sejak itu, jawatankuasa ini telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan pematuhan Tahun 2000, seperti membuat ujian ke atas komputer-komputer THB oleh jabatan sistem maklumat pengurusan (MIS) dan mendapatkan pengesahan bertulis daripada pembekal-pembekal utama mesin dan peralatan THB. Selain itu, kemaskinian perisian dan pulih perisian digunakan untuk mengemaskinikan sistem pengendalian komputer dan perisian penggunaan THB. Langkah-langkah kontigensi yang diambil oleh THB ialah membuat sandaran data yang kerap dan mencetak dokumen yang perlu untuk disimpan dengan selamat dan pengesahbetulan.

THB kini mematuhi keperluan Tahun 2000. Pengesahan juga telah diperoleh daripada pendaftar THB, iaitu Signet & Co. Sdn Bhd (“Signet”) bahawa Signet mematuhi keperluan Tahun 2000. Walaupun THB yakin bahawa ia telah mengambil semua langkah yang perlu untuk menghapuskan risiko yang berkaitan dengan isu Tahun 2000, namun tiada jaminan boleh diberi bahawa Kumpulan tidak akan terjejas teruk melalui pendedahan kepada pihak luar.

---

#### 4. PENGENALAN

---

Prospektus ini bertarikh 28 Januari 2000.

Salinan Prospektus ini telah dikemukakan dengan dan didaftarkan oleh ROC, yang tidak akan bertanggungjawab bagi isi kandungan.

Kelulusan SC tidak boleh diambil sebagai petunjuk bahawa SC mengesyorkan Terbitan Awam. Pelabur-pelabur hendaklah bergantung kepada penilaian mereka sendiri untuk menilai merit-merit dan risiko-risiko membuat pelaburan.

Kelulusan pada dasarnya telah diperolehi daripada BSKL bagi kemasukan ke Senarai Rasmi Papan Kedua BSKL dan bagi urusniaga dalam dan sebut harga bagi keseluruhan saham biasa THB yang diterbitkan dan berbayar termasuk Saham Terbitan Awam yang merupakan subjek Prospektusa ini. Saham-saham biasa ini akan dimasukkan ke Senarai Rasmi Papan Kedua BSKL dan sebut harga rasmi akan bermula selepas menerima pengesahan daripada MCD bahawa semua akaun CDS pemohon-pemohon yang berjaya telah dikreditkan sewajarnya dan notis peruntukan telah dihantar kepada semua pemohon yang berjaya.

Penerimaan permohonan akan bersyarat atas kebenaran diberikan untuk berurusan dalam dan sebut harga bagi kesemua saham THB yang diterbitkan dan berbayar pada Papan Kedua BSKL. Selaras dengan itu, wang yang diterima berhubung dengan mana-mana penerimaan permohonan akan dikembalikan sekiranya kebenaran tersebut tidak diperolehi.

**Selaras dengan Seksyen 14(1) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991 dan Seksyen 39(1)(j) Akta Syarikat, 1965, BSKL telah menetapkan saham THB sebagai sekuriti yang ditetapkan. Selaras dengan itu, saham-saham yang diterbitkan melalui Prospektus ini akan didepositkan terus dengan MCD dan mana-mana urusniaga dalam saham-saham ini akan dijalankan selaras dengan Akta-akta yang dinyatakan di atas dan Peraturan-peraturan MCD.**

Selaras dengan Polisi dan Garisan Panduan SC mengenai Terbitan/Tawaran Sekuriti, THB diperlukan untuk mempunyai sekurang-kurangnya 25% tetapi tidak lebih daripada 50% modal saham yang diterbitkan dan berbayar berada dalam tangan pemegang saham awam dan bilangan minimum 500 pemegang saham awam (tidak termasuk kakitangan) memegang tidak kurang daripada 1,000 saham setiap seorang apabila Terbitan Awam selesai dilaksanakan dan pada masa penyenaraian. THB dijangka akan memenuhi syarat ini pada masa penyenaraian. Walau bagaimana pun, sekiranya syarat di atas tidak dipenuhi selaras dengan Terbitan Awam, Syarikat mungkin tidak dibenarkan untuk meneruskan dengan rancangan penyenaraianya.

Pemohon yang pada masa ini mempunyai akaun CDS hendaklah menyatakan nombor akaun CDSnya dalam ruang yang disediakan dalam Borang Permohonan dan beliau tidak perlu melengkapkan Kod ADA pilihannya. Di mana pemohon belum lagi mempunyai akaun CDS, beliau hendaklah menyatakan dalam Borang Permohonan Kod ADA pilihannya.

BSKL tidak akan bertanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat atau pandangan-pandangan atau laporan-laporan yang terkandung dalam Prospektus ini. Kemasukan ke Senarai Rasmi Papan Kedua BSKL tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit-merit Syarikat atau saham-saham biasanya.

Tiada sesiapa dibenarkan untuk memberi sebarang maklumat atau membuat sebarang representasi yang tidak terkandung dalam Prospektus ini berhubung dengan Terbitan Awam dan sekiranya diberi atau dibuat, maklumat atau representasi sedemikian tidak boleh dianggap sebagai telah dibenarkan oleh THB. Penghantaran Prospektus ini atau mana-mana Terbitan Awam yang dibuat berhubung dengan Prospektus ini tidak akan, dalam apa keadaan sekalipun, merupakan representasi atau membentuk sebarang implikasi bahawa tiada perubahan dalam hal ehwal THB sejak tarikh Prospektus ini.

**4. PENGENALAN (*Samb*)**

---

Pengedaran Prospektus ini dan penjualan Saham Terbitan Awam dalam lain-lain bidang kuasa di luar Malaysia mungkin disebat oleh undang-undang. Sesiapa yang memiliki Prospektus ini adalah dikehendaki memaklumkan diri sendiri dan mematuhi arahan-arahan sedemikian. Prospektus ini tidak membentuk dan tidak boleh digunakan untuk tujuan tawaran untuk menjual atau pelawaan tawaran untuk membeli mana-mana Saham Terbitan Awam dalam mana-mana bidang kuasa di mana tawaran atau pelawaan sedemikian tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang atau kepada mana-mana orang kepada siapa adalah menyalahi undang-undang untuk membuat tawaran atau pelawaan sedemikian.

**Sekiranya anda ragu-ragu tentang Prospektus ini, anda hendaklah meminta nasihat broker saham, pengurus bank, peguamcara, akauntan atau lain-lain penasihat profesional anda.**

**5. MODAL SAHAM**

	<b>RM</b>
<i>Dibenarkan</i>	
50,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	50,000,000 =====
<i>Diterbitkan dan berbayar</i>	
34,000,003 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	34,000,003
<i>Akan diterbitkan selaras dengan Terbitan Awam</i>	
6,150,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham	6,150,000 =====
	40,150,003

Harga terbitan RM2.00 setiap saham biasa dibayar penuh semasa permohonan.

Terdapat hanya satu kelas saham dalam Syarikat, iaitu saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. Saham Terbitan Awam bertaraf pari passu dalam semua hubungan antara satu sama lain dan lain-lain saham-saham biasa yang diterbitkan dan berbayar sedia ada Syarikat termasuk hak-hak mengundi dan hak kepada semua dividen dan lain-lain pengagihan yang mungkin diisyiharkan selepas tarikh Prospektus ini.

Tertakluk kepada mana-mana hak khas yang terdapat pada mana-mana saham yang mungkin diterbitkan oleh Syarikat pada masa hadapan, pemegang-pemegang saham-saham biasa dalam Syarikat adalah, mengikut perkadaran kepada jumlah yang dibayar ke atas saham-saham yang dipegang oleh mereka, berhak untuk berkongsi dalam keseluruhan keuntungan yang dibayar oleh Syarikat sebagai dividen dan lain-lain pengagihan dan berhubung dengan keseluruhan lebihan jika sekiranya Syarikat dibubarkan.

Setiap pemegang saham biasa Syarikat akan menjadi berhak untuk mengundi pada mana-mana mesyuarat agung Syarikat secara sendiri atau melalui proksi atau melalui perwakilan, dan, atas pengunjuran tangan, setiap orang yang hadir yang merupakan pemegang saham atau wakil atau proksi atau perwakilan pemegang saham akan mempunyai satu undi, dan atas pengundian secara pol, setiap pemegang saham yang hadir sendiri atau melalui proksi atau melalui perwakilan atau lain-lain wakil yang diberi kuasa sewajarnya akan mempunyai satu undi bagi setiap saham biasa yang dipegang.

## 6. BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM

### 6.1 BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM

Harga terbitan RM2.00 setiap saham bagi 6,150,000 Saham Terbitan Awam perlu dibayar penuh semasa permohonan. Terbitan Awam tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Prospektus ini dan atas penerimaan, Saham Terbitan Awam akan diperuntukkan dalam cara berikut:-

- a) 1,800,000 Saham Terbitan Awam telah dirizabkan untuk para Pengarah dan kakitangan Kumpulan THB yang layak; dan
- b) 4,350,000 Saham Terbitan Awam akan disediakan bagi permohonan oleh warganegara, syarikat, koperasi, persatuan dan institusi Malaysia, yang mana sekurang-kurangnya 30% akan diketepikan khas untuk individu, syarikat, koperasi, persatuan dan institusi Bumiputera.

Saham-saham Terbitan Awam di bawah perenggan (a) tidak perlu ditaja jamin dan dengan itu tidak ditaja jamin. Walau bagaimanapun, jika sekiranya mana-mana daripada Saham Terbitan Awam di bawah perenggan (a) tidak diambil, saham-saham ini akan dibuka untuk permohonan oleh orang-orang awam Malaysia dinyatakan di bawah perenggan (b). Kesemua Saham Terbitan Awam di bawah perenggan (b) di atas telah ditaja jamin sepenuhnya bersama dengan mana-mana Saham Terbitan Awam yang tidak dilanggar di bawah perenggan (a).

### 6.2 ASAS PENGIRAAN HARGA TERBITAN

Harga terbitan RM2.00 setiap Saham Terbitan Awam telah ditentukan dan dipersetujui oleh Syarikat dan PAMB sebagai Penasihat dan Pengurus Penaja Jamin, selepas mengambil kira faktor-faktor berikut:-

- (i) Sejarah dan kedudukan kewangan dan pengendalian Kumpulan sebagaimana digariskan dalam Seksyen 9 dan 10 Prospektus ini;
- (ii) Proforma NTA disatukan THB sebanyak RM1.62 setiap saham pada 31 Julai 1999;
- (iii) Ramalan pengganda PE kasar sebanyak 4.3 kali dan 4.7 kali berdasarkan ramalan EPS kasar sebanyak 46.8 sen dan 42.6 sen, sebagaimana dikira masing-masing berdasarkan purata wajaran bilangan 36,562,000 saham dalam terbitan dan bilangan diperbesarkan sebanyak 40,150,003 saham;
- (iv) Kadar hasil dividen sebanyak 2.5%, berdasarkan ramalan dividen dikecualikan cukai sebanyak 5.0 sen setiap saham bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Julai 2000 dan harga terbitan RM2.00; dan
- (v) Prospek Kumpulan dan industri perabot sebagaimana digariskan dalam Seksyen 8 dan 9 Prospektus ini.

### 6.3 TUJUAN TERBITAN AWAM

Tujuan Terbitan Awam adalah seperti berikut:-

- (i) Untuk mendapat penyenaraian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham THB yang diterbitkan dan berbayar pada Papan Kedua BSKL;
- (ii) Untuk membolehkan Kumpulan mendapat akses yang lebih besar kepada pasaran modal untuk memperolehi dana-dana bagi pertumbuhan dan pengembangan masa depan; dan

## 6. BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM (*Samb*)

- (iii) Untuk menyediakan peluang kepada pelabur-pelabur Bumiputera, orang awam Malaysia, para Pengarah dan kakitangan yang layak untuk turut serta dalam pertumbuhan berterusan Kumpulan melalui penyertaan ekuiti.

### 6.4 PEROLEHAN DARIPADA TERBITAN AWAM

Perolehan kasar sebanyak RM12,300,000 timbul daripada Terbitan Awam akan terakru keseluruhananya kepada Syarikat dan akan diguna dalam cara berikut:-

	Nota	RM'000
Bayaran balik pinjaman bank	1	3,000
Pembelian aset tetap dan peningkatan kemudahan pengeluaran	2	4,100
Modal kerja	3	3,000
Pengembangan luar negara	4	1,000
Perbelanjaan penyenaraian		1,200
<b>JUMLAH</b>		<b>12,300</b>
		=====

***Nota 1. Bayaran balik pinjaman bank***

*Jumlah sebanyak RM3,000,000 daripada perolehan Terbitan Awam akan diguna untuk membayar balik pinjaman bank daripada Sime Bank Berhad (sekarang dikenali sebagai RHB Bank Berhad), diguna untuk membiayai pembelian loji dan jentera (mesin MRIM, pengacuan dan kos pemasangan) bagi perubahan kilang THB di Meru, Klang. Jumlah yang dipinjam adalah RM7.0 juta dan jumlah yang belum dijelaskan pada 31 Disember 1999 adalah lebih kurang RM5.7 juta. Mengandaikan purata kadar faedah sebanyak 8.0%, bayaran balik pinjaman bank akan mengakibatkan penjimatan faedah sebanyak lebih kurang RM240,000 setahun.*

***Nota 2. Pembelian aset tetap dan peningkatan kemudahan pengeluaran***

*Kumpulan berhasrat untuk menggunakan RM4,100,000 daripada perolehan Terbitan Awam untuk membiayai pembelian dirancang peralatan dan jentera, dan untuk pembinaan kemudahan pengeluaran baru, seperti berikut:-*

## 6. BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM (Samb)

<i>Keterangan</i>	<i>Kos (RM'000)</i>	<i>Tarikh Operasi/ Pemasangan</i>	<i>Negara</i>
1. Pembinaan kilang baru (50,000 kaki persegi) bagi fungsi pemasangan dan pergudangan di Mukim Semenyih	1,800	Mei 2000	-
2. Satu set ANDI woodworking CNC router	520	Jun 2000	Taiwan
3. Satu unit tetoner dua penghujung (4 kepala)	100	Jun 2000	Taiwan
4. Satu unit hidraulik automatik sepenuhnya Clamp Carrier Roll Type Glue Spreader	370	Jun 2000	Taiwan
5. Satu unit white-belt sander-48" lebar tali	320	Oktober 2000	Itali
6. Satu unit set penjana - 600KVA	260	Mac 2000	Taiwan
7. Dua unit mesin pengacuan - 6 kepala	410	Jun 2000	Taiwan
8. Satu unit mesin penyambung jejari	320	Jun 2000	Taiwan
<b>JUMLAH</b>	<b>4,100</b>		

*Peralatan dan jentera dijangka akan menambah keupayaan pengeluaran Syarikat dalam cara berikut:-*

<i>Perkara</i>	<i>Keupayaan pengeluaran bulan sedia ada</i>	<i>Peningkatan jangkaan dalam keupayaan pengeluaran</i>
<i>Set meja makan</i>	<i>30,000 set</i>	<i>10,000 set</i>
<i>Katil</i>	<i>4,000 set</i>	<i>-</i>
<i>Sofa</i>	<i>500 set</i>	<i>200 set</i>
<i>Set bilik tidur</i>	<i>1,000 set</i>	<i>-</i>
<i>Bod kayu venir</i>	<i>150,000 kaki persegi</i>	<i>-</i>
<i>Komponen kayu diproses separa</i>	<i>650 meter padu</i>	<i>150 meter padu</i>
<i>Kayu digergaji kasar</i>	<i>3,000 tan metrik</i>	<i>-</i>

### **Nota 3. Modal Kerja**

*Jumlah sebanyak RM3,000,000 daripada perolehan akan diguna sebagai modal kerja untuk menampung operasi perniagaan sedia ada Kumpulan, seperti pembiayaan pembelian bahan mentahnya serta perbelanjaan pengendalian kilang.*

### **Nota 4. Pengembangan Luar Negara**

*Jumlah sebanyak RM1,000,000 daripada perolehan akan diguna untuk tujuan mengembang operasi luar negara THB. Ini adalah sejajar dengan objektif korporat THB dalam mengenal pasti keperluan-keperluan pelanggannya melalui proksimiliti geografinya yang lebih dekat dan dengan itu dapat menyediakan lebih banyak perkhidmatan nilai ditambah kepada pelanggan-pelanggannya. Dana-dana akan diguna untuk:-*

- (i) pembesaran bilik pameran sedia ada dan pejabat sedia ada THB di UK dan China
- (ii) pengambilan lebih ramai kakitangan pemasaran
- (iii) pelaburan modal dalam komputer dan barang berkaitan
- (iv) pelaburan modal dalam kenderaan pegangkutan

---

## 6. BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM (*Samb*)

---

*Selain daripada itu, THB juga berhasrat untuk menubuhkan pejabat-pejabat di Jerman dan Perancis dalam tempoh 12 bulan dari tarikh penyenaraiannya di BSKL. Dengan menubuhkan sebuah gudang dan sistem pengedaran, THB akan berupaya untuk memberi khidmat kepada peruncit-peruncit lebih kecil di UK dan menggunakan peluang-peluang untuk menambah kebersaingannya serta margin keuntungan.*

Kesemua perbelanjaan seperti pembrokeran, komisyen taja jamin, duti setem dan yuran pendaftaran sampingan kepada Cadangan Pengapungan akan ditanggung oleh THB.

### 6.5 PEMBROKERAN DAN KOMISYEN TAJA JAMIN

Pengurus Penaja Jamin dan Penaja-penaja Jamin, sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 2 Prospektus ini, telah bersetuju untuk menaja jamin 4,350,000 Saham Terbitan Awam yang disediakan untuk permohonan oleh orang-orang awam Malaysia. Mana-mana dari 1,800,000 Saham Terbitan Awam dirizabkan untuk para Pengarah dan kakitangan Kumpulan THB yang layak tetapi tidak dilanggan akan dibuka untuk permohonan oleh orang-orang awam Malaysia. Pengurus Penaja Jamin akan mengatur bagi penajaan jamin saham-saham ini. Komisyen taja jamin perlu dibayar oleh Syarikat pada kadar 2.0% daripada harga terbitan RM2.00 setiap Saham Terbitan Awam.

Pembrokeran berhubung dengan Saham Terbitan Awam perlu dibayar oleh Syarikat pada kadar 1.0% daripada harga terbitan RM2.00 setiap Saham Terbitan Awam berhubung dengan permohonan yang berjaya yang membawa tanda cop PAMB, syarikat-syarikat ahli BSKL, ahli-ahli Persatuan Bank di Malaysia, ahli-ahli Persatuan Bank Saudagar di Malaysia atau MIH.

## 7. MORATORIUM PELUPUSAN SAHAM

Dalam meluluskan Cadangan Pengapungan Syarikat, SC telah mengenakan moratorium ke atas pelupusan saham oleh penganjur-penganjur THB.

Juga menjadi syarat SC bahawa penganjur-penganjur/pemegang saham utama THB yang berikut tidak akan dibenarkan menjual, memindah milik atau menyerah hak pemegangan saham mereka masing-masing dalam THB yang merupakan 45% daripada modal diterbitkan dan berbayar diperbesarkan THB dalam masa satu (1) tahun dari tarikh kemasukan THB ke Senarai Rasmi Papan Kedua BSKL. Selepas itu, pemegang-pemegang saham utama ini dibenarkan menjual, memindah milik atau tidak lebih daripada satu pertiga setahun (berdasarkan garisan lurus) daripada pemegangan saham mereka masing-masing di bawah moratorium bagi setiap tahun berikutnya.

Pemegangan saham pemegang-pemegang saham utama selepas Terbitan Awam yang di bawah moratorium seperti yang dikenakan oleh SC dan BSKL dinyatakan di bawah:-

<b>Pemegang Saham</b>	<b>Bil. saham THB di bawah moratorium</b>	<b>% modal saham diperbesarkan</b>
Perbadanan Nasional Berhad	3,400,000	8.47
Kumpulan Emas Berhad	4,490,000	11.18
Eastern Premium Sdn Bhd	10,177,000	25.34
Lim Eng Ann	3,000	0.01
<b>Jumlah</b>	<b>18,070,000</b>	<b>45.00</b>

Sekatan ini diendorskan pada sijil saham yang mewakili pemegangan saham pemegang saham utama masing-masing yang di bawah moratorium untuk memastikan urus niaga saham-saham ini tidak dibenarkan sebagai mematuhi sekatan yang dikenakan oleh SC dan BSKL. Sekatan ini diterima sepenuhnya oleh para pemegang saham utama dan orang ramai dianggap sudah diberitahu tentang sekatan ini lebih awal.

Kenyataan yang perlu diendorskan di atas sijil saham adalah seperti berikut:-

“Saham-saham yang terkandung dalam sijil ini tidak boleh dijual, dipindah milik atau diserah hak dari tarikh yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (“Tempoh Moratorium”). Oleh yang demikian, saham-saham yang terkandung dalam sijil ini tidak akan menyerupai penghantaran baik menurut Peraturan Bursa semasa dilam Tempoh Moratorium. Tiada sijil atau sijil-sijil akan dikeluarkan untuk menggantikan sijil ini kecuali sijil yang mengganti diendorskan dengan sekatan ini.”

## 8. TINJAUAN KESELURUHAN INDUSTRI

### 8.1 TINJAUAN KESELURUHAN EKONOMI MALAYSIA

Ekonomi Malaysia telah pulih pada tahun 1999 daripada kesan inflasi yang teruk akibat krisis kewangan serantau yang menyebabkan penguncupan ekonomi 7.5% pada tahun 1998. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar dijangka akan meningkat lagi kepada kadar tahunan purata 7.2% pada separuh kedua 1999 berbanding pertumbuhan benar 1.4% pada separuh pertama. Pemulihan ekonomi telah dipesatkan oleh dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara selaras dengan Rancangan Pemulihan Ekonomi Negara serta perkembangan yang positif di dalam dan luar negara. Pengenaan kawalan tukaran berpilih dan penetapan ringgit berbanding Dolar Amerika sejak 2 September 1998 mewujudkan kestabilan dan dengan itu menimbulkan keyakinan dalam pasaran kewangan. Rangsangan fiskal yang diperuntukkan melalui belanjawan pengembangan pada tahun 1999, pelonggaran dasar-dasar kewangan dan usaha yang dipertingkatkan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek sektor awam yang telah diluluskan telah membantu memulihkan permintaan dalam negeri yang berkaitan dengan perbelanjaan sektor awam dan penggunaan swasta. Pembaharuan-pembaharuan yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk mengukuhkan dan menyusun semula sistem perbankan telah membolehkan sistem perbankan menjalankan fungsi pengantaraannya dengan lebih berkesan dan dengan itu membantu proses pemulihan ekonomi. Inisiatif-inisiatif dasar ini, berserta dengan pemulihan pesat permintaan luaran berikut daripada keadaan ekonomi di Asia Timur yang bertambah baik dan pertumbuhan pesat yang berterusan di Amerika Syarikat, telah mendorong peningkatan output terutama dalam sektor perkilangan. Pemulihan output pertanian, dipesatkan oleh peningkatan yang ketara dalam kadar hasil kelapa sawit, juga turut menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi yang positif.

(Sumber:- *Laporan Ekonomi 1999/2000*)

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar dijangka meningkat 4.3% pada tahun 1999 berdasarkan jangkaan pertumbuhan yang lebih pesat, iaitu 7.2% pada separuh kedua 1999. Ekonomi Malaysia dijangka tumbuh 5% pada tahun 2000 dengan permintaan dalam negeri yang semakin mantap daripada penggunaan swasta yang bertambah baik dan pemulihan dalam pelaburan sektor swasta. Mendasari harapan yang positif ini ialah ekonomi yang menjadi semakin berdaya tahan kepada kejutan-kejutan luaran dan risiko sistemik hasil daripada langkah-langkah dasar baru-baru ini untuk mengukuhkan kedudukan rizab luar negara, sistem kewangan dan sektor korporat.

(Sumber: *Sorotan Laporan Ekonomi 1999/2000, The Star, 30 Oktober 1999*)

Selepas mengalami penguncupan 13.7% pada tahun 1998, sektor perkilangan dijangka mencatatkan pertumbuhan 8.9% pada tahun 1999. Pemulihan ini pada umumnya meluas, merangkumi kedua-dua industri berorientasikan eksport dan industri dalam negeri. Eksport keluaran kayu mencatatkan pertumbuhan dua angka 15.2% pada lapan bulan pertama 1999 berbanding 6% bagi tempoh yang sama pada tahun 1998. (Sumber: *Sorotan Laporan Ekonomi 1999/2000, New Straits Times, 30 Oktober 1999*)

## 8. TINJAUAN KESELURUHAN INDUSTRI (*Samb*)

### 8.2 INDUSTRI PERABOT

Selepas mengalami pertumbuhan pesat selama 10 tahun, industri perabot telah berubah daripada industri kotej kepada pengeksport semua jenis perabot. Pertumbuhan berikutnya dalam pembangunan industri perabot Malaysia bergantung kepada kemampuannya untuk menambah nilai pada keluarannya menggunakan reka bentuk yang kreatif dan pemasaran jenama. Dengan bahan mentah yang banyak dan keupayaan pengeluaran yang tinggi, industri perabot akan memberikan perhatian rapi kepada meningkatkan nilai melalui reka bentuk yang inovatif dan pemasaran yang kreatif. Langkah positif dalam arah yang betul telah dibuat dengan pembukaan rasmi Pusat Reka Bentuk Perabot Malaysia. Pengembangan pusat pameran perabot negara, iaitu Pesta Perabot Antarabangsa Malaysia dan kelahiran beberapa jenama perabot tempatan akan memantapkan kepakaran pemasaran negara.

(*Sumber: Perabot Malaysia 1999 – Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, Majlis Industri Perabot Malaysia (“MFIC”)*)

Menekankan kualiti dan penghantaran yang konsisten, kebanyakan pengeksport beralih kepada automasi dalam menambahbaikkan proses pengeluaran. Keluaran yang dihasilkan sangat banyak jenis dan gayanya. Perabot bilik tidur, bilik makan, sofa, perabot sampingan, perabot luar rumah dan perabot pejabat boleh didapati. Gaya mempunyai pelbagai dimensi daripada klasik hingga kepada gaya desa dan kontemporari. Pelaburan dalam teknologi kini terjelma pada kualiti kemasan dan ketahanan perabot buatan Malaysia. Selain itu, beberapa pengilang besar telah memantapkan jaminan kualiti mereka dengan persijilan ISO 9002.

(*Sumber: Perabot Malaysia 1999 – Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, MFIC*)

Lebih 70% daripada eksport perabot Malaysia diperbuat daripada kayu getah. Kayu, yang merupakan sumber perladangan yang boleh diperbaharui, terdapat dengan amat banyak disebabkan oleh ladangnya yang luas, iaitu lebih kurang 1.8 juta hektar. Ia juga sangat serbaguna dan menarik untuk membuat pelbagai jenis perabot. Penyelidikan dan pembangunan yang terperinci telah mencapai banyak kejayaan cemerlang dalam rawatan, pengeringan dan sifat tanggaman kayu bagi industri perabot.

(*Sumber: Perabot Malaysia 1999 – Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, MFIC*)

Kerajaan Malaysia telah memberikan keutamaan yang tinggi kepada industri perabot, membentuk garis panduan utama bagi pertumbuhan di bawah Pelan Induk Perindustrian Pertama dan Kedua (1986-2005), iaitu mengekalkan penawaran bahan mentah, menggiatkan penyelidikan dan pembangunan serta meningkatkan tahap automasi dan pemodenan.

(*Sumber: Perabot Malaysia 1999 – Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, MFIC*)

Pengilang-pengilang perabot tempatan berbeza-beza dari segi saiz, meliputi pengilang besar yang terlibat dalam mengeksport serta mempunyai kemudahan R&D dan kemudahan mereka bentuk mereka sendiri hingga kepada industri bersaiz sederhana yang membekalkan bahagian-bahagian perabot kepada pengusaha yang besar. Pada masa ini, kebanyakan pengilang perabot dan bahagian-bahagian perabot di Malaysia tergolong dalam kategori Industri Bersaiz Kecil dan Sederhana (“SMI”). Apabila keupayaan pengeluaran meningkat, kepelbagaiannya jenis keluaran dijangka meningkat dengan penekanan yang lebih diberikan kepada reka bentuk keluaran melalui R&D yang terperinci serta rangkaian pemasaran dan pengedaran yang lebih komprehensif.

(*Sumber: Malaysian Industry, Oktober 1998*)

## 8. TINJAUAN KESELURUHAN INDUSTRI (Samb)

Industri perabot Malaysia yang cepat matang berkembang dengan pesat setiap tahun. Industri ini telah dikenal pasti sebagai "industri sasaran" di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua kerajaan bagi tempoh 1998 hingga 2005. Sejak 1986, industri perabot telah berkembang dengan pesatnya dan telah menjadi lebih berorientasikan eksport. Pertumbuhannya telah didorong oleh galakan kerajaan di bawah Pelan Induk Perindustrian Pertama 1986-1995 bagi industri berasaskan kayu beralih kepada kegiatan hiliran nilai ditambah yang lebih tinggi seperti perabot. Antara pelbagai segmen industri berasaskan kayu seperti balak, kayu digergaji, kayu keringan tanur, keluaran panel, pengumaian dan tanggam, serta perabot, pengilangan perabotlah yang mempunyai potensi pembangunan yang paling besar dan mempunyai nilai ditambah yang paling tinggi.

Perniagaan pengilangan perabot mengalami perubahan yang luar biasa pada pertengahan 1980-an berikutan daripada kejayaan penggunaan kayu getah sebagai sumber yang baru ditemui. Hal ini mengubah kegiatan hiliran industri berasaskan kayu secara dramatik dan mendorong pertumbuhan pesat industri perabot Malaysia. Pada masa ini, perabot kayu getah merupakan antara perabot berasaskan kayu yang paling popular dieksport dari negara ini dan Malaysia kini merupakan pengeksport perabot kayu getah yang terbesar di dunia. Perabot kayu getah mula menjadi keluaran utama dalam eksport perabot kayu Malaysia.

Pada tahun 1998, 85.1% daripada eksport perabot Malaysia terdiri daripada perabot kayu disebabkan oleh penawaran bahan mentah berasaskan kayu yang amat banyak di negara ini. Dengan meningkatnya nilai eksport daripada RM27 juta pada tahun 1988 kepada RM4.36 bilion pada tahun 1998, nilai eksport industri perabot diramalkan meningkat lagi sebanyak 10% hingga 15% di antara 1998 hingga 2005. Peningkatan eksport perabot ini telah membantu mengurangkan kesan permintaan perabot dalam negeri yang merosot.

(Sumber: MFIC, "The wood-based industry in Malaysia", *Economics Bulletin, BHL Bank, April-Jun 1997, Malaysian Industry, Oktober 1998*)

Faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi mantap industri perabot ialah permintaan luaran yang tinggi, usaha-usaha Lembaga Perkayuan Malaysia ("MTB") dan Majlis Perkayuan Malaysia ("MTC") yang memberikan sokongan dalam khidmat nasihat dan kapakaran teknikal, penggunaan automasi oleh industri ini, penawaran bahan mentah dan buruh yang amat banyak, serta terdapatnya teknologi dalam menggunakan kayu getah sebagai bahan mentah untuk perabot.

Sejak bertahun-tahun, Kerajaan, melalui MTC dan MTB, telah memberikan sokongan berterusan dalam khidmat nasihat dan kapakaran teknikal kepada industri perabot yang berpotensi tinggi, memberi sumbangan yang besar kepada kejayaannya sekarang ini. selaras dengan usaha Kerajaan yang berterusan dalam memulihara sumber hutan, Institut Penyelidikan Hutan Malaysia ("FRIM") telah menggiatkan kegiatan penyelidikannya ke atas kayu getah. FRIM dan Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) menyediakan kegiatan sokongan R&D seperti nasihat mengenai pembalakan dan kaedah pemprosesan yang sesuai, penggunaan kayu digergaji yang optimum serta penyelidikan mengenai reka bentuk yang sesuai dengan kayu getah.

(Sumber: MFIC)

Pusat Reka Bentuk Perabot Malaysia ("MFDC") yang bertempat di Menara PGRM di Kuala Lumpur bertujuan untuk menyediakan peralatan reka bentuk bantuan komputer dan kemudahan-kemudahan serta kontak eksport untuk firma-firma perabot kecil dan sederhana. Selain matlamat mencipta reka-reka bentuk Malaysia yang boleh dipasarkan pada masa depan yang terdekat ini, MFDC menawarkan perkhidmatan pemasaran dan promosi kepada firma-firma yang mahu menceburi pasaran eksport.

(Sumber: Malaysian Industry, Oktober 1998)

## 8. TINJAUAN KESELURUHAN INDUSTRI (*Samb*)

Pesta Industri Perabot Malaysia diadakan setiap tahun dan diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai tempat untuk mendapatkan perabot Malaysia. Para pengilang perabot dalam negeri menghadapi persaingan daripada negara-negara membangun seperti China dan Indonesia yang mempunyai kelebihan kos buruh berbanding Malaysia. Malaysia bagaimanapun berusaha untuk mengekalkan kelebihan bersaingannya dengan menjadi lebih intentif modal. Ini melibatkan penggunaan automasi, meningkatkan kecekapan buruh melalui latihan dan pendidikan, dan pelaburan dalam R&D. Tumpuan kemudiannya boleh dialihkan kepada menghasilkan keluaran-keluaran yang berkualiti lebih tinggi dan lebih banyak nilai ditambah yang memenuhi keperluan segmen pasaran sederhana dan tinggi.

Masa depan industri berasaskan perabot sebahagian besarnya bergantung kepada tiga faktor utama yang saling mempengaruhi, iaitu kebolehdapatan bahan mentah, keupayaan industri ini mengalami perubahan struktur yang perlu dan keupayaannya untuk mengekalkan daya saingnya di pasaran eksport.

(Sumber: "The wood-based industry in Malaysia", *Economics Bulletin, BHL Bank*, April-Jun 1997)

Industri perabot Malaysia dalam beberapa tahun ini telah menyerlahkan kemampuannya membekalkan dan mengilang perabot dalam jangka panjang berdasarkan kepada kekayaan sumber asli negara dan penanaman semula pokok-pokok yang berterusan. Selaras dengan kesedaran alam sekitar masyarakat dunia, industri perabot Malaysia tidak pernah keluar daripada batas tersebut. Selain itu pokok-pokok kayu getah boleh ditanam semula dengan mudah dan sumbangannya kepada pemuliharaan alam sekitar adalah mapan berbanding pokok-pokok hutan yang dianggap tidak mudah untuk ditambah semula. Penanaman dan penanaman semula pokok-pokok getah yang cepat besar secara besar-besaran di rizab hutan yang luasnya lebih daripada 12.7 juta telah dilaksanakan untuk memastikan penawaran bahan mentah yang banyak dan mencukupi untuk industri perabot.

(Sumber: MFIC, "The wood-based industry in Malaysia", *Economics Bulletin, BHL Bank*, April-Jun 1997)

### 8.3 HARAPAN INDUSTRI DAN BIDANG PERTUMBUHAN

Eksport perabot kayu dijangka mencecah AS\$4.6 bilion (RM17.5 bilion) dalam masa kurang daripada lima (5) tahun daripada hanya AS\$868.4 juta (RM3.3 bilion) pada tahun 1998. Pada ketika itu nanti, negara tentunya telah mencapai sasaran untuk meningkatkan kedudukannya di tangga ke-15 di kalangan 10 negara pengeksport perabot kayu yang terbesar di dunia, menurut Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB). Walaupun bahagian eksport perabot kayu Malaysia pada masa ini ialah lebih kurang 2% daripada pasaran perabot sejagat, namun MTIB yakin bahawa boleh memperoleh sekurang-kurangnya 10% daripada bahagian pasaran sejagat dalam masa lima tahun akan datang. Industri perabot kayu tempatan telah mencatatkan pertumbuhan eksport tahunan 30% sepanjang lima tahun yang lalu, mencecah nilai RM3.3 bilion pada tahun 1998 berbanding hanya RM270 juta pada tahun 1990. Malaysia dikurniakan sumber kayu asli yang amat banyak, kepintaran teknologi dan tenaga manusia mahir, dan sebagai perintis dunia, ia sudah pun berada di depan dalam teknologi pemprosesan kayu getah.

(Sumber: *The Star*, 18 Oktober 1999)

## 8. TINJAUAN KESELURUHAN INDUSTRI (Samb)

Malaysia mensasarkan pengeluaran keluaran perabot mewah dan nilai ditambah untuk sentiasa mendahului pesaing-pesaingnya. Oleh yang demikian, pengeluaran perkilangan reka bentuk asal (ODM) menekankan pengaturan pengilang kelengkapan asal yang ditetapkan oleh pengilang-pengilang asing. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah menubuhkan sekurang-kurangnya empat buah pusat, termasuk Pusat Reka Bentuk Perabot Malaysia di Kuala Lumpur untuk menggalakkan pembangunan reka bentuk perabot tempatan yang asli.

(Sumber: *The Star*, 18 Oktober 1999)

Prospek industri perabot Malaysia, terutamanya industri perabot getah, terus cerah. Harapan industri ini yang positif berpuncak terutamanya daripada sebab-sebab berikut:-

- (i) Di dalam negeri, pasaran bagi keluaran kayu diproses akan meningkat memandangkan kadar pembangunan ekonomi yang pesat serta pertambahan penduduk dan perumahan. Permintaan bukan sahaja akan meningkat dari segi kuantitiinya, malah para pelanggan tempatan juga akan lebih pandai menilai kualiti keluaran. Permintaan dijangka tinggi untuk perabot pejabat, kediaman, hotel dan kanak-kanak. Pertambahan penduduk dunia, didorong oleh kemewahan yang semakin meningkat telah meningkatkan permintaan harta-harta kediaman, perdagangan dan perindustrian serta kompleks-kompleks hospitaliti, dan akhirnya meningkatkan permintaan perabot dan pepasangan untuk menghiasi harta-harta ini;
- (ii) Eksport perabot Malaysia berjumlah RM4.36 bilion pada tahun 1998, dan MFIC menjangka eksport perabot Malaysia mencecah sekurang-kurangnya RM4.5 bilion pada akhir 1999 dan kepada hampir RM5.0 bilion menjelang akhir tahun 2000. MFIC juga mengunjurkan kadar pertumbuhan tahunan industri ini akan kekal pada kadar 10% setiap tahun dari tahun 2000-2005, dan nilai eksport perabot diunjurkan mencecah sekurang-kurangnya RM7 bilion menjelang tahun 2005;

(Sumber: *New Straits Times*, 3 Mac 1999, *The Star*, 28 September 1999 dan MFIC)

- (iii) Pengharaman eksport yang dikenakan ke atas kayu getah digergaji oleh kerajaan sejak Disember 1998 akan memastikan bekalan yang mencukupi pada harga yang berpatutan dan mewujudkan lebih banyak peluang kepada para pengilang tempatan untuk menceburi pengilangan dan pemprosesan nilai ditambah perabot kayu getah;
- (iv) Oleh sebab kayu tropika konvensional semakin sukar didapati, perabot kayu getah semakin popular. Salah satu kelebihan kayu getah berbanding kayu keras tradisional ialah lebih mudah mengeluarkan balak getah dari ladang getah disebabkan adanya infrastruktur yang sedia ada;
- (v) Meneruskan kecekapan, produktiviti dan daya saing yang lebih tinggi dalam industri ini melalui penambahbaikan pengurusan dan amalan pengeluaran yang diterima pakai;
- (vi) Meneruskan kecekapan, produktiviti dan daya saing yang lebih tinggi dalam industri ini melalui penambahbaikan pengurusan dan amalan pengeluaran yang diterima pakai daripada para pembuat perabot asing yang mendirikan kilang-kilang di Malaysia; dan
- (vii) Malaysia kini menguasai tiga peratus daripada bahagian pasaran sejagat dalam pasaran perabot dunia dan mampu berkembang lagi.

(Sumber: *New Straits Times*, 3 Mac 1999)

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN

### 9.1 PEMERBADANAN DAN KEGIATAN UTAMA

THB telah diperbadankan di Malaysia pada 20 Oktober 1995 di bawah Akta Syarikat, 1965, sebagai sebuah syarikat sendirian berhad menggunakan nama Exclusive Symbol Sdn Bhd. Namanya diubah kepada Tomisho Holding Sdn Bhd pada 2 Februari 1996 dan kepada Tomisho Holdings Sdn Bhd pada 27 November 1996. Ia kemudiannya ditukar kepada syarikat awam berhad pada 16 Disember 1997 menggunakan namanya sekarang.

THB pada asasnya merupakan sebuah syarikat pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat THB ialah seperti yang diperincikan dalam Seksyen 9.5 Prospektus ini.

### 9.2 CADANGAN PENGAPUNGAN

#### (a) Terbitan Awam

THB akan melaksanakan Terbitan Awam 6,150,000 Saham Terbitan Awam kepada para pengarah dan kakitangan Kumpulan THB yang layak pada harga terbian RM2.00 setiap saham. Saham Terbitan Awam merupakan kira-kira 15.32% daripada modal saham diterbitkan dan berbayar diperbesarkan THB sebanyak 40,150,003 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham apabila selesainya Terbitan Awam. Penggunaan perolehan daripada Terbitan Awam ialah seperti yang diperincikan dalam Seksyen 6.4 Prospektus ini.

#### (b) Penyenaraian dan Sebut Harga

Penyenaraian dan sebut harga seluruh modal saham diterbitkan dan berbayar diperbesarkan THB terdiri daripada 40,150,003 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham di Papan Kedua BSKL.

### 9.3 SEJARAH DAN PERNIAGAAN

Tomisho telah diperbadankan sebagai syarikat perdagangan pada September 1985 dengan En. Lim Eng Huat sebagai Pengarah Urusan. Kegiatan-kegiatan awal syarikat ialah mengimport rantai dari UK untuk digunakan sebagai alat ganti dan untuk dibekalkan kepada projek-projek serah kunci membina kilang minyak sawit. Pada tahun 1987, Tomisho memulakan eksport kayu getah digergaji, bahagian-bahagian dan komponen-komponen perabot. PCC juga telah dibentuk pada tahun 1987 untuk memasarkan rantai ke Indonesia, Thailand dan Filipina. Pada tahun 1988, syarikat ini menjadi perintis dalam mengimport alat-alat dan peralatan untuk dibekalkan kepada industri sarung tangan lateks. Kecuali eksport kayu getah digergaji, kegiatan-kegiatan ini masih dijalankan pada hari ini walaupun sumbangannya kepada prestasi keuntungan Kumpulan agak kecil.

Mengikut tradisinya, keluarga En. Lim Eng Huat telah berkecimpung dalam industri kayu di Semenanjung Malaysia. Kilang Tomisho yang pertama terletak di Batu 5, Jalan Kapar, Klang dan memulakan operasi pada tahun 1991 dengan seramai 20 orang pekerja dan pada mulanya mengeluarkan perabot siap PU dan PE untuk dieksport ke Jepun. Pada tahun 1992, pasaran eksport Kumpulan berkembang ke Amerika Syarikat. Untuk menampung permintaan yang meningkat, dua buah kilang lagi didirikan di Klang masing-masing pada Jun dan Disember 1993. Pada masa ini, perkilangan merupakan kegiatan utama Kumpulan. Bagi tahun berakhir 31 Julai 1999, bahagian perkilangan THB menyumbangkan 81.4% dan 94.3% masing-masing kepada jumlah dagangan dan keuntungan selepas cukai Kumpulan.

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (*Samb*)

Pada Jun 1999, Tomisho mengambil alih 51% kepentingan dalam SY yang terdiri daripada 2,550,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham daripada pemegang saham SY, iaitu Ng Ah

Chai dan Lee Soo Seng bagi balasan pembelian sebanyak RM16.5 juta yang dibayar secara penyerahan hak hutang. Kegiatan utama SY ialah memproses kayu getah mentah, berdagang kayu getah dirawat, mengilang dan mengeksport set meja makan piawai. Objektif utama pengambilalihan ini ialah untuk memastikan bekalan bahan mentah kayu getah yang berterusan dan tidak terputus.

Selain kegiatan perkilangan, Kumpulan juga menjalankan kegiatan peruncitan melalui Apota, FD dan LC, dengan setiap syarikat tersebut memberi tumpuan kepada segmen pasaran yang berbeza. Apota, yang ketika itu merupakan pengedar dan peruncit peralatan dan aksesori bermain golf telah diambil alih pada Mac 1993 daripada Gomex Sdn Bhd untuk balasan tunai RM630,000 bagi seluruh modal saham diterbitkan dan berbayar Apota yang terdiri daripada 600,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. Pada masa ini, skim kad diskaun golf Apota telah menarik lebih daripada 10,000 ahli. Selaras dengan strategi korporatnya untuk memperluaskan jualan runcitnya kepada pasaran tempatan, jenama "Apota Design" telah diperkenalkan pada tahun 1995, menandakan kemasukan Kumpulan dalam pasaran runcit perabot. Dalam mempromosikan jenama "Apota Design"nya, Apota juga telah melancarkan konsep runcit yang baru, iaitu Apota Lifestyle, yang merupakan kedai sehenti untuk perabot dan aksesori rumah di Kompleks Membeli-belah The Summit di USJ, Subang Jaya.

Melalui LC, Kumpulan memberi tumpuan kepada kumpulan pelanggan terpilih yang mempunyai citara estetik terhadap perabot rumah dan aksesori hias yang eksklusif. Pada masa ini, LC merupakan pengedar eksklusif sofa kulit Natuzzi dari Itali, serta tilam dan *divan* Sealy dari AS.

Sebagai sebuah syarikat perkilangan perabot yang bersepadan secara menegak, THB juga mempunyai kemudahan pergudangan pusat di Klang. Kemudahan pergudangan ini berfungsi sebagai pusat pengedaran bagi keluaran Kumpulan, dan membolehkan Kumpulan untuk memberikan sokongan logistik dalam mencapai ekonomi bidangan dan penghantaran keluaran yang tepat pada masanya.

### **Kaedah pemasaran dan pengedaran keluaran THB**

THB mengamalkan strategi pemasaran eksport yang fleksibel. Keluarannya dijual kepada pengimport, pengedar, pengilang, pemborong, ejen dan peruncit. Objektif utama THB dalam berbuat demikian ialah untuk menyingkirkan peranan orang tengah yang tidak mempunyai nilai ditambah dan juga lebih dekat kepada pasarnya. Ini membolehkan THB mengetahui trend, maklumat dan persekitaran pasaran terbaru untuk membolehkannya menyesuaikan diri dengan persekitarannya yang berubah-ubah dengan cara yang kena pada waktunya. Penubuhan TS (UK) untuk pasaran Eropah Kumpulan telah berjaya. THB juga menjangkakan Eropah akan menjadi pasaran utamanya pada masa depan, terutama bagi keluaran perkilangan reka bentuk asal. THB juga telah membuka pejabat pemasarannya di China dan Australia dan berhasrat untuk membuka pejabat yang sama di Perancis dan Jerman dalam masa 12 bulan dari tarikh penyenaraianya di BSKL.

Untuk mengekalkan dan meningkatkan kesedaran para pengguna tentang keluaran dan reka bentuk barunya di pasaran luar negara, THB mengambil bahagian dalam banyak pesta perdagangan, seperti berikut:-

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (*Samb*)

Pameran Perabot, Birmingham, UK  
Pesta Perabot Antarabangsa, Tokyo, Jepun  
Pesta Perdagangan Perabot & Lampu Antarabangsa Guangzhou, China  
Pesta Perabot Antarabangsa Malaysia (MIFF)  
Pesta Perabot & Hiasan Dalaman Antarabangsa Australia  
Pesta Perabot Antarabangsa Afrika Selatan Ke-2  
Pameran Perabot & Reka Bentuk Dalaman Antarabangsa Timur Tengah (INDEX), Dubai, Emiriah Arab Bersatu  
Pasaran Perabot dan Aksesori Rumah Antarabangsa, High Point, Carolina Utara, AS  
Pesta Antarabangsa Cologne, Jerman

### Sumbangan keluaran kepada jumlah dagangan dan keuntungan

Campuran keluaran THB, dari segi nilai jualan, bagi lima (5) tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 adalah seperti berikut:-

	Keluaran	1995	1996	1997	1998	1999
1.	Set Breakfast Island	20%	6%	2%	3%	-
2.	Meja Drop Leaf	15%	13%	12%	6%	-
3.	Meja makan	42%	48%	42%	39%	40%
4.	Kerusi makan	10%	12%	15%	20%	18%
5.	Perabot Sampingan	9%	13%	16%	17%	15%
6.	Set katil, almari pakaian, kerusi bilik	4%	8%	13%	15%	20%
7.	Sofa dan komponennya	-	-	-	-	7%
	<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>

Sumbangan keluaran THB kepada keuntungan bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Julai 1999 adalah seperti berikut:-

	Keluaran	1995	1996	1997	1998	1999
1.	Set Breakfast Island	7.6%	2.0%	0.6%	0.9%	-
2.	Meja Drop Leaf	9.1%	6.8%	5.8%	2.8%	-
3.	Meja makan	48.0%	47.1%	38.2%	33.8%	31.5%
4.	Kerusi makan	15.2%	15.7%	18.2%	23.1%	18.9%
5.	Perabot Sampingan	12.3%	15.3%	17.5%	17.7%	14.2%
6.	Set katil, almari pakaian, kerusi bilik	7.8%	13.1%	19.7%	21.7%	26.2%
7.	Sofa dan komponennya	-	-	-	-	9.2%
	<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (*Samb*)

Output pengeluaran THB bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Julai 1999 adalah seperti berikut:-

Keluaran	1995 (Unit)	1996 (Unit)	1997 (Unit)	1998 (Unit)	1999 (Unit)
1. Set Breakfast Island	39,600	16,800	4,440	15,000	-
2. Meja Drop Leaf	30,000	36,000	26,400	30,000	-
3. Meja makan	48,000	75,600	52,800	111,600	151,200
4. Kerusi makan	100,800	168,000	165,600	432,000	516,000
5. Perabot Sampingan	20,400	39,600	38,400	94,800	110,400
6. Set katil tidur, almari pakaian, kerusi bilik	3,360	8,640	12,240	30,000	50,400
7. Sofa dan komponennya	-	-	-	-	9,600
<b>JUMLAH</b>	<b>242,160</b>	<b>344,640</b>	<b>299,880</b>	<b>713,400</b>	<b>837,600</b>

### 9.4 MODAL SAHAM

Modal saham dibenarkan THB ialah RM50,000,000 terdiri daripada 50,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham, yang mana 34,000,003 telah diterbitkan dan berbayar.

Perubahan dalam modal saham yang diterbitkan dan berbayar penuh Syarikat sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:-

Tarikh peruntukan	Bil. saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	Balasan	Jumlah modal saham diterbitkan dan berbayar (RM)
20.10.95	2	Saham-saham pelanggan	2
11.03.96	12,000,000	Saham diterbitkan sebagai balasan bagi pengambilalihan Tomisho, Apota, ASWP, AF, TP dan PCC, pada harga terbitan RM1.00 setiap saham	12,000,002
06.09.96	2,000,000	Terbitan hak satu (1) saham baru THB bagi setiap enam (6) saham THB dipegang, pada harga terbitan RM1.70 setiap saham	14,000,002
18.09.96	8,000,000	Peruntukan saham Bumiputera Khas, pada harga terbitan RM1.50 setiap saham	22,000,002
28.11.97	12,000,001	Terbitan hak enam (6) saham baru THB bagi setiap sebelas (11) saham THB dipegang, pada harga terbitan RM1.50 setiap saham.	34,000,003

---

**9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (*Samb*)**


---

**9.5 ANAK-ANAK SYARIKAT**

Anak-anak Syarikat, yang kesemuanya diperbadankan di Malaysia kecuali TS (UK) yang mana diperbadankan di United Kingdom, adalah seperti berikut:-

<b>Syarikat</b>	<b>Tarikh diperbadankan</b>	<b>Modal saham diterbitkan dan berbayar (RM)</b>	<b>Kepentingan ekuiti berkesan %</b>	<b>Kegiatan utama</b>
Tomisho	02.09.85	5,000,000	100	Mengilang dan mengeksport bahagian komponen perabot, bahagian perindustrian dan kejuruteraan
ASWP	07.10.95	2,000,002	100	Mengilang dan mengeksport perabot serpai kayu, bahagian dan komponen divenir
Apota	09.12.82	1,000,000	100	Pengedaran dan peruncitan Perabot, hiasan dalaman, peralatan dan aksesori golf,
PCC	26.07.85	100,000	100	Perdagangan rantai penghantar dan bahagian-bahagian kejuruteraan
TP	07.04.93	2	100	Lengai
TS (UK)	28.07.97	BPI	100	Pejabat pemasaran luar negara
SY	05.03.93	5,000,000	51	Pemprosesan rawatan kayu getah, pengilang dan pedagang kayu beracuan dan pengilang perabot kayu getah
LC	07.02.95	452,000	100	Peruncitan perabot, artifaks, alatan tempat tidur dan set sofa
FD	16.10.97	2	100	Pengedaran & peruncitan perabot

**Nota:-**

1. *SY merupakan anak syarikat 51% milik Tomisho*
2. *LC dan FD kedua-duanya merupakan anak syarikat milik penuh Apota*

Pada tarikh Prospektus ini, THB tidak mempunyai syarikat bersekutu.

**9.5.1 TOMISHO**
**(i) Sejarah dan Perniagaan**

Tomisho telah diperbadankan di Malaysia pada 2 September 1985 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah Akta Syarikat, 1965. Kegiatan utama syarikat ialah perkilangan dan eksport bahagian komponen perabot, bahagian perindustrian dan kejuruteraan.

---

**9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (*Samb*)**


---

Tomisho mempunyai 657 kakitangan tempatan dan asing. Keluaran utama yang ia keluarkan adalah kerusi, meja, set meja makan, dan komponen bilik tidur daripada kayu getah. Tomisho mendapat bahan mentahnya (kayu getah, plywood, lakuer dan cat) secara tempatan disebabkan kuantiti tingginya. Pasaran utamanya ialah USA, UK, Jepun, Timur Tengah dan Australia. Keupayaan pengeluaran bulanan semasa Tomisho ialah 15,000 set meja makan, 10,000 set perabot sampingan (meja kop), 4,000 katil, 500 set sofa dan 1,000 set bilik tidur dan 650 meter padu komponen kayu diproses separa pada satu shif untuk 12-jam. Pada masa ini ia mempunyai lima talian pengeluaran.

Keupayaan pengeluaran Tomisho bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Julai 1999 adalah seperti berikut:-

<b>Keluaran</b>	<b>1995 (Unit)</b>	<b>1996 (Unit)</b>	<b>1997 (Unit)</b>	<b>1998 (Unit)</b>	<b>1999 (Unit)</b>
1. Set Breakfast Island, Meja Drop Leaf, Meja makan dan perabot sampingan (meja kop)	170,000	170,000	170,000	300,000	300,000
2. Kerusi makan	300,000	300,000	300,000	600,000	720,000
2. Set bilik tidur, almari pakaian, kerusi bilik	20,000	20,000	20,000	60,000	60,000
3. Sofa dan komponen	-	-	-	-	6,000
<b>JUMLAH</b>	<b>490,000</b>	<b>490,000</b>	<b>490,000</b>	<b>960,000</b>	<b>1,086,000</b>

Output pengeluaran Tomisho bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Julai 1999 adalah seperti berikut:-

<b>Keluaran</b>	<b>1995 (Unit)</b>	<b>1996 (Unit)</b>	<b>1997 (Unit)</b>	<b>1998 (Unit)</b>	<b>1999 (Unit)</b>
1. Set Breakfast Island	39,600	16,800	4,440	15,000	-
2. Meja Drop Leaf	30,000	36,000	26,400	30,000	-
3. Meja makan	48,000	75,600	52,800	111,600	151,200
4. Kerusi meja makan	100,800	168,000	165,600	432,000	110,400
5. Perabot sampingan (meja kop)	20,400	39,600	38,400	94,800	50,400
6. Set bilik tidur, almari pakaian, nightstands	3,360	8,640	12,240	30,000	516,000
7. Sofa dan komponennya	-	-	-	-	9,600
<b>JUMLAH</b>	<b>242,160</b>	<b>344,640</b>	<b>299,880</b>	<b>713,400</b>	<b>837,600</b>

**9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (*Samb*)**

**(ii) Modal Saham**

	Bil. saham biasa	Nilai Tara (RM)	Jumlah (RM)
Dibenarkan	5,000,000	1	5,000,000
Diterbitkan dan berbayar	5,000,000	1	5,000,000

Perubahan dalam modal saham diterbitkan dan berbayar Tomisho sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:-

Tarikh peruntukan	Bil. saham biasa	Balasan	Jumlah (RM)
02.09.55	2	Saham-saham pelanggan	2
25.11.86	20,000	Tunai	20,002
29.03.90	260,000	Tunai	280,002
28.12.95	380,000	Tunai	660,002
18.12.96	1,320,004	Terbitan bonus (2 untuk 1)	1,980,006
25.07.97	1,000,000	Terbitan Bonus	2,980,006
25.07.97	2,019,994	Tunai	5,000,000

**(iii) Anak-anak Syarikat dan Syarikat-syarikat Bersekutu**

Pada tarikh Prospektus ini, Tomisho mempunyai anak syarikat tersebut:-

Anak Syarikat	Tarikh dan tempat diperbadankan	Modal saham diterbitkan dan berbayar (RM)	Kepentingan ekuiti dipegang %	Kegiatan utama
SY	05.03.1993 Malaysia	5,000,000	51	Pemprosesan rawatan kayu getah, pengilang dan pedagang kayu beracuan dan pengilang perabot kayu getah dan set makan piawai.

Pada tarikh Prospektus ini, Tomisho tidak mempunyai syarikat bersekutu.

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (Samb)

### (iv) Rekod Keuntungan dan Dividen

Rekod keuntungan dan dividen teraudit Tomisho bagi lima (5) tahun yang lepas dan tujuh (7) bulan berakhir 31 Julai 1999, adalah seperti berikut:-

	←---Tahun kewangan berakhir 31 Disember---→			Tempoh 7 bulan berakhir 31 Julai		←Tahun kewangan berakhir 31 Julai→	
	1994 RM'00	1995 RM'000	1996 RM'000	1997 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	
Jumlah dagangan	19,493	30,354	41,828	33,098	75,725	88,440	
Keuntungan sebelum perkara terkecuali	2,063	3,860	5,185	3,587	8,734	9,092	
Perkara terkecuali	-	-	-	-	-	-	(1,378)
Keuntungan sebelum cukai	2,063	3,860	5,185	3,587	8,734	7,714	
Cukai	(304)	(810)	(1,073)	(755)	(2,575)	(500)	
Keuntungan selepas cukai	1,759	3,050	4,112	2,832	6,159	7,214	
Purata wajaran bil. saham biasa dalam terbitan ('000)	2,600	2,603	2,980	3,037	5,000	5,000	
EPS bersih (RM)	0.68	1.17	1.38	1.60*	1.23	1.44	
Kadar dividen kasar (%)	-	-	30	10	100	50	

\* Disetahunkan

#### Nota:-

1. Pertambahan yang ketara dalam jumlah dagangan bagi tahun-tahun berakhir 31 Disember 1994 dan 1995 adalah akibat daripada pertambahan dalam rangkaian pengeluaran Tomisho.
2. Pertambahan yang ketara dalam jumlah dagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 1996, tujuh bulan berakhir 31 Julai 1997 dan tahun kewangan berakhir 31 Julai 1998 dan 1999 adalah akibat daripada langkah-langkah pemasaran dan pengembangan yang telah diambil oleh Tomisho. Selain daripada itu, keupayaan pengeluaran telah juga bertambah akibat daripada pengautomatan separa talian-talian pengeluarannya.
3. Pertambahan dalam keuntungan sebelum dan selepas cukai bagi tahun-tahun kewangan berakhir 31 Disember 1995 dan 1996, dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1998 adalah akibat daripada pertambahan dalam jumlah perniagaan dan kecekapan operasi. Keputusan kewangan Tomisho bagi tujuh bulan berakhir 31 Julai 1997, jika disetahunkan, akan juga menunjukkan peningkatan berbanding dengan keputusan pada tahun sebelumnya.
4. Tomisho mengubah akhir tahun kewangannya daripada 31 Disember kepada 31 Julai pada 1997 untuk berakhir bersama dengan syarikat pemegangannya, THB.
5. Pertambahan dalam keuntungan selepas cukai Tomisho bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 adalah akibat daripada tahun 1999 merupakan tahun dikecualikan cukai. Cukai yang dikenakan untuk tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 adalah berhubung dengan terkurang peruntukan cukai dalam tahun sebelumnya dan cukai tertunda.

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (*Samb*)

6. Kerugian terkecuali bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 berkait dengan kerugian ditanggung akibat daripada kebakaran yang berlaku di salah sebuah kilang-kilang Tomisho dalam tahun. Tidak ada perkara luar biasa dalam kesemua tahun kewangan/ tempoh di bawah kajian.

### 9.5.2 ASWP

#### (i) *Sejarah dan Perniagaan*

ASWP diperbadankan di Malaysia pada 7 Oktober 1995 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah Akta Syarikat, 1965. Kegiatan utama syarikat ialah perkilangan dan eksport perabot serpai kayu, bahagian-bahagian dan komponen-komponen divenir.

ASWP mempunyai 62 kakitangan terdiri daripada kakitangan tempatan dan asing. Rangkaian keluaran yang dikilangnya adalah ialah kerusi duduk, bahagian atas meja pelbagai saiz dan saiz-saiz berbeza apron meja. ASWP menikmati status perintis akibat daripada rangkaian keluaran yang telah dikilangnya. Bahan mentah yang diguna oleh ASWP ialah seperti bahan buangan kayu dan habuk daripada kilang-kilang Tomisho, bahan-bahan kimia dan gam dibeli secara tempatan, kayu dan kayu venir adalah diimport dari Taiwan. Pasaran utamanya ialah China, Taiwan, Hong Kong, Timur Tengah dan USA. ASWP mempunyai 44 mesin MRIM pelbagai saiz yang diimport dari Taiwan. Mesin-mesin telah dikendalikan dalam satu talian penyediaan bahan dan dua talian pengeluaran tekan panas. Kilang beroperasi pada dua shif dan berupaya mengeluarkan 150,000 kaki persegi keluaran divenir setiap bulan pada shif 12-jam.

Keupayaan pengeluaran ASWP bagi empat (4) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Julai 1999 adalah seperti berikut:-

<b>Keluaran</b>	<b>1996 (Unit)</b>	<b>1997 (Unit)</b>	<b>1998 (Unit)</b>	<b>1999 (Unit)</b>
1. Bahagian atas meja	1,000,000	2,100,000	2,600,000	2,600,000
2. Kerusi duduk	500,000	900,000	900,000	900,000
3. Apron	50,000	100,000	100,000	100,000
<b>JUMLAH</b>	<b>1,550,000</b>	<b>3,100,000</b>	<b>3,600,000</b>	<b>3,600,000</b>
<b>Bil. mesin</b>	<b>18</b>	<b>36</b>	<b>44</b>	<b>44</b>

Output pengeluaran ASWP bagi empat (4) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Julai 1999 adalah seperti berikut:-

<b>Keluaran</b>	<b>1996 (Unit)</b>	<b>1997 (Unit)</b>	<b>1998 (Unit)</b>	<b>1999 (Unit)</b>
1. Bahagian atas meja	*	1,317,028	2,035,100	2,345,100
2. Kerusi duduk	*	564,397	705,000	812,100
3. Apron	*	62,874	77,900	90,150
<b>JUMLAH</b>	<b>-</b>	<b>1,944,299</b>	<b>2,818,000</b>	<b>3,247,350</b>

\* Tidak ada pengeluaran komersil dalam tahun

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (Samb)

### (ii) Modal Saham

	Bil. saham biasa	Nilai Tara (RM)	Jumlah (RM)
Dibenarkan	5,000,000	1	5,000,000
Diterbitan dan berbayar	2,000,002	1	2,000,002

Perubahan dalam modal saham diterbitkan dan berbayar penuh ASWP sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:-

Tarikh peruntukan	Bil. saham biasa	Balasan	Jumlah (RM)
07.10.95	2	Saham-saham pelanggan	2
22.04.96	2,000,000	Tunai	2,000,002

### (iii) Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu

Pada tarikh Prospektus ini, ASWP tidak mempunyai sebarang anak syarikat atau syarikat bersekutu.

### (iv) Rekod Keuntungan dan Dividen

Rekod keuntungan dan dividen teraudit ASWP bagi tempoh sejak pemerbadanannya sehingga 31 Julai 1999, adalah seperti berikut:-

	Tempoh kewangan berakhir 31 Julai 1996 RM'000	←Tahun kewangan berakhir 31 Julai→		
		1997 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000
Jumlah dagangan	-	8,749	12,681	14,614
Keuntungan sebelum cukai	-	1,597	2,577	3,216
Cukai	-	-	(259)	(300)
Keuntungan selcpas cukai	-	1,597	2,318	2,916
Bil. saham biasa dalam terbitan ('000)	2,000	2,000	2,000	2,000
EPS bersih (RM)	-	0.80	1.16	1.46
Kadar dividen kasar (%)	-	-	75	75

Nota:-

- ASWP telah mulakan pengeluaran dan jualan dalam tempoh kewangan berakhir 31 Julai 1996, dan jumlah dagangan terutamanya terdiri daripada jualan bahagian atas meja dan kerusi duduk.

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (Samb)

2. *Rangkaian pengeluaran yang bertambah, seperti pelbagai saiz bahagian atas meja, kerusi duduk dan apron meja, telah menghasilkan jumlah dagangan yang tinggi bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1998 dan 1999.*
3. *Pertambahan dalam margin keuntungan kasar selepas cukai bagi tahun-tahun kewangan berakhir 31 Julai 1997 dan 1998 adalah akibat daripada kecekapan tenaga kerja yang bertambah baik dalam mengendalikan venir dan pengurangan dalam pembaziran dan kos overhead.*
4. *Pertambahan dalam keuntungan sebelum cukai wujuk tahun kewangan berakhir 31 Julai 1998 adalah akibat daripada pertambahan dalam jumlah perniagaan dalam tahun-tahun. Akibatnya, keuntungan selepas cukai bagi tahun turut bertambah selaras dengannya.*
5. *1999 merupakan tahun dikecualikan cukai. Caj cukai untuk tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 berkait dengan terkurang peruntukan cukai tertunda dalam tahun-tahun terdahulu.*
6. *Tidak ada perkara luar biasa dan terkecuali dalam tempoh kewangan/tahun di bawah kajian.*

### 9.5.3 APOTA

#### (i) *Sejarah dan Perniagaan*

Apota diperbadankan di Malaysia pada 9 Disember 1982 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah Akta Syarikat, 1965 di bawah nama Bekal Kuari Sdn Bhd. Pada 16 Februari 1984, dengan menggunakan nama semasanya. Kegiatan utama syarikat merupakan pengedaran dan peruncitan perabot, hiasan dalaman, peralatan dan aksesori golf.

Apota mempunyai tenaga kerja seramai 20 kakitangan, yang berkongsi dengan LC, FD and AF. Sebelum 1996, Apota hanya meruncit keluaran-keluaran yang telah dikilangkan oleh Tomisho. Oleh kerana Apota melalui pengembangan dari 1996 ke atas, peranan Tomisho sebagai pembekal menjadi lebih kurang. Penyelidikan dan pembangunan yang telah dijalankan oleh Tomisho telah juga memberi faedah kepada Apota, yang mana telah mensubkontrak rekabentuk-rekabentuk Tomisho kepada pengilang-pengilang perabot tempatan. Bermula dari lewat 1997, Apota juga telah meruncit perabot yang dikeluar secara tempatan. Apota juga menjual aksesori-aksesori golf yang diimport dari USA dan Taiwan.

#### (ii) *Modal Saham*

	Bil. saham biasa	Nila Tara (RM)	Jumlah (RM)
Dibenarkan	1,000,000	1	1,000,000
Diterbitkan dan berbayar	1,000,000	1	1,000,000

Perubahan dalam modal saham diterbitkan dan berbayar penuh Apota sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:-

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (*Samb*)

Tarikh peruntukan	Bil. saham biasa	Balasan	Jumlah (RM)
09.12.82	2	Saham-saham pelanggan	2
11.05.87	249,998	Tunai	250,000
30.06.89	350,000	Tunai	600,000
14.07.97	250,000	Tunai	850,000
21.07.97	150,000	Terbitan Bonus	1,000,000

**(iii) Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu**

Pada tarikh Prospektus ini, anak-anak syarikat Apota, kedua-duanya diperbadankan di Malaysia, adalah seperti berikut:-

Anak Syarikat	Tarikh pemerbadanan	Modal saham diterbitkan dan berbayar (RM)	Kepentingan ekuti dipegang %		Kegiatan utama
			100	100	
LC	07.02.95	452,000			Peruncitan dalam perabot, artifaks, peralatan tempat tidur dan set sofa
FD	16.10.97	2			Pengedaran & peruncitan perabot

Pada tarikh Prospektus ini, Apota tidak mempunyai sebarang syarikat bersekutu.

**(iv) Rekod Keuntungan dan Dividen**

Rekod keuntungan dan dividen teraudit Apota bagi lima (5) tahun dan sebelas (11) bulan berakhir 31 Julai 1999, adalah seperti berikut:-

	←----Tahun kewangan berakhir 31 Ogos----→			Tempoh 11 bulan berakhir 31	<Tahun kewangan berakhir 31 Julai>	
	1994 RM'000	1995 RM'000	1996 RM'000	Julai 1997 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000
	Jumlah dagangan	1,638	1,773	4,376	8,049	12,645
Keuntungan sebelum cukai	8	228	649	845	788	209
Cukai	(2)	(71)	(211)	(265)	(175)	(38)
Keuntungan selepas cukai	6	157	438	580	613	171
Purata wajaran bil. saham biasa dalam terbitan ('000)	750	750	750	761	1,000	1,000
EPS bersih (RM)	0.01	0.21	0.58	0.88*	0.61	0.17
Kadar dividen kasar (%)	-	-	-	20	50	5

\* Disetahunkan

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (Samb)

### Nota:-

1. Jumlah dagangan telah meningkat sejak tahun kewangan berakhir 31 Ogos 1996 apabila Apota mula menjalankan kegiatan peruncitan perabot, hiasan dan aksesori dalaman, selain daripada jualan peralatan golf. Strategi pemasaran agresif dan pembukaan saturan-saturan keluar yang baru menyumbangkan lagi kepada jumlah dagangan dan keuntungan yang lebih tinggi dalam 1997 dan 1998.
2. Jumlah dagangan dan keuntungan yang merosot dalam tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 adalah akibat daripada perniagaan peruncitan yang mengalami penyusutan dalam negara, memaksa Apota untuk menutup kebanyakan daripada bilik-bilik pameran. Ini mengakibatkan penghapusan-kira ke atas aset-aset tetap dan kerugian atas pelupusan aset-aset tetap masing-masing sebanyak RM177,000 dan RM258,000.
3. Pertambahan dalam keuntungan sebelum dan selepas cukai bagi tempoh kewangan berakhir antara 1 September 1995 dan 31 Julai 1998 adalah akibat daripada pertambahan dalam jumlah perniagaan akibat daripada tambahan saturan-saturan peruncitan dan rangkaian pengeluarannya yang menyediakan kepada pelanggan-pelanggan lebih banyak pilihan dan jenis.
4. Keuntungan sebelum dan selepas cukai Apota bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 telah menunjukkan kejatuhan akibat daripada langkah-langkah penyatuan yang melibatkan penutupan beberapa saluran keluar pada akhir 1998 dan 1999.
5. Apota telah menukar akhir tahun kewangannya daripada 31 Ogos kepada 31 Julai dalam 1997 untuk berakhir bersama dengan syarikat pemegangannya, THB.
6. 1999 merupakan tahun dikecualikan cukai. Cukai yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 berkaitan dengan terkurang peruntukan cukai dalam tahun sebelumnya.
7. Tidak ada perkara luar biasa atau terkecuali dalam mana-mana tempoh kewangan/tahun di bawah kajian.

### 9.5.4 LC

#### (i) Sejarah dan Perniagaan

LC diperbadankan di Malaysia pada 7 Februari 1995 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah Akta Syarikat, 1965. LC pada dasarnya terlibat dalam peruncitan perabot, artifaks, peralatan tempat tidur dan set sofa.

LC mempunyai tenaga kerja seramai 20 kakitangan, yang ia berkongsi dengan Apota, FD dan AF. Rangkaian keluaran terdiri daripada tilam Sealy dari USA, sofa kulit Natuzzi dari Itali serta set sofa buatan tempatan.

#### (ii) Modal Saham

	Bil. saham biasa	Nilai Tara (RM)	Jumlah (RM)
Dibenarkan	500,000	1	500,000
Diterbitkan dan Berbayar	452,000	1	452,000

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (*Samb*)

Perubahan dalam modal diterbitkan dan berbayar LC sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:-

Tarikh peruntukan	Bil. saham biasa	Balasan	Jumlah (RM)
07.02.95	3	Saham-saham pelanggan	3
11.08.95	299,997	Tunai	300,000
20.02.98	152,000	Tunai	452,000

***(iii) Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu***

Pada tarikh Prospektus ini, LC tidak mempunyai sebarang anak syarikat atau syarikat bersekutu.

***(iv) Rekod Keuntungan dan Dividen***

Rekod keuntungan dan dividen teraudit LC sejak pemerbadanannya sehingga 31 Julai 1999 adalah seperti berikut:-

	Tempoh kewangan berakhir 31 Disember 1995 RM'000	Tahun kewangan berakhir 31 Disember 1996 RM'000	Tempoh 7 bulan berakhir 31 Julai 1997 RM'000	<Tahun kewangan berakhir 31 Julai> 1998 RM'000	1999 RM'000
Jumlah dagangan	598 =====	463 =====	314 =====	1,599 =====	842 =====
(Kerugian)/ keuntungan sebelum cukai	(120) =====	(160) =====	39 =====	183 =====	151 =====
Cukai	- =====	- =====	- =====	(58) =====	9 =====
Keuntungan selepas cukai	(120) =====	(160) =====	39 =====	125 =====	160 =====
Purata wajaran bil. setiap saham biasa dalam terbitan ('000)	300	300	300	367	452
EPS bersih (RM)	(0.40)	(0.53)	0.22*	0.34	0.35
Kadar dividen kasar (%)	-	-	-	-	-

\* Disetahunkan

**Nota:-**

1. Strategi perniagaan LC ialah menukar tumpuan perniagaan berdasarkan projek kepada perniagaan runcit perabot yang menarik margin kasar yang lebih tinggi, membawa kepada pengurangan dalam jumlah dagangan dan keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 1996.
2. Peningkatan dalam jumlah dagangan dan dalam kedua-dua keuntungan sebelum dan selepas cukai bagi tempoh kewangan di antara 1 Januari 1997 dan 31 Julai 1998 adalah akibat daripada pembukaan kedai baru dan perubahan dalam keluaran daripada lampu-lampu kepada perabot berharga tinggi yang memberi margin lebih tinggi.

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (Samb)

3. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999, penutupan beberapa kedai mengurangkan jumlah dagangan dan keuntungan sebelum cukai LC. Walau bagaimanapun, keuntungan selepas cukainya meningkat akibat daripada tahun 1999 merupakan tahun dikecualikan cukai.
4. LC mengubah akhir tahun kewangannya daripada 31 Disember kepada 31 Julai pada 1997 untuk berakhir bersama dengan syarikat pemegangan induknya, THB.
5. Tidak ada perkara luar biasa dan terkecuali dalam mana-mana tempoh kewangan/tahun di bawah kajian.

### 9.5.5 FD

#### (i) *Sejarah dan Perniagaan*

FD diperbadankan di Malaysia pada 16 Oktober 1997 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah Akta Syarikat, 1965. Kegiatan utama FD adalah pengedaran dan peruncitan perabot.

FD mempunyai tenaga kerja seramai 20 kakitangan, yang ia berkongsi dengan Apota, LC dan AF. FD mengamalkan konsep menjual perabot dengan jumlah yang tinggi, margin yang rendah dan penekanan ke atas nilai untuk wang. Perabot yang diedarkan dan diruncitkan oleh FD dikeluarkan oleh Kumpulan THB. Pada 1999 kegiatan FD telah disatukan dengan operasi Apota. Sejajar dengan objektif korporat THB dalam menyelaraskan kegiatan runcitnya.

#### (ii) *Modal Saham*

	Bil. saham biasa	Nilai Tara (RM)	Jumlah (RM)
Dibenarkan	100,000	1	100,000
Diterbitkan dan Berbayar	2	1	2

Perubahan dalam modal saham diterbitkan dan berbayar FD sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:-

Tarikh peruntukan	Bil. saham biasa	Balasan	Jumlah (RM)
16.10.97	2	Saham-saham pelanggan	2

#### (iii) *Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu*

Pada tarikh Prospektus ini, FD tidak mempunyai sebarang anak syarikat atau syarikat bersekutu.

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (*Samb*)

### (iv) Rekod Keuntungan dan Dividen

Rekod keuntungan dan dividen teraudit FD sejak pemerbadanannya sehingga 31 Julai 1999 adalah seperti berikut:-

	Tempoh kewangan berakhir 31 Julai 1998 RM'000	Tempoh kewangan berakhir 31 Julai 1999 RM'000
Jumlah dagangan	569	261
Keuntungan sebelum cukai	33	3
Cukai	(9)	-
Keuntungan selepas cukai	24	3
Bil. saham biasa dalam terbitan	2	2
EPS bersih (RM)	>100	>100
Kadar dividen kasar (%)	-	-

Nota:-

1. Pengurangan dalam jumlah dagangan dan keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 adalah akibat daripada kegiatan perniagaan FD disatukan dengan operasi syarikat pemegangannya,, Apota.
2. Tidak ada perkara luar biasa dan terkecuali dalam mana-mana tempoh kewangan/ tahun di bawah kajian.

### 9.5.6 AF

#### (i) Sejarah dan Perniagaan

AF diperbadankan di Malaysia pada 11 Mei 1994 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah Akta Syarikat, 1965 sebagai Luhur Rimbun Sdn Bhd. Pada 16 Ogos 1994 ianya telah dinamakan semula sebagai Meda Furnishing Sdn Bhd dan menggunakan nama semasanya pada 17 Februari 1996. AF pada dasarnya merupakan kontraktor am dan perunding rekabentuk dalam. AF mempunyai tenaga kerja seramai 20 kakitangan, yang ia berkongsi dengan Apota, LC dan FD.

#### (ii) Modal Saham

	Bil. saham biasa	Nilai Tara (RM)	Jumlah (RM)
Dibenarkan	100,000	1	100,000
Diterbitkan dan berbayar	100,000	1	100,000

Perubahan dalam modal saham diterbitkan dan berbayar AF sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:-

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (*Samb*)

Tarikh peruntukan	Bil. saham biasa	Balasan	Jumlah (RM)
11.05.94	2	Saham-saham pelanggan	2
01.08.94	99,998	Tunai	100,00
			0

### (iii) Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu

Pada tarikh Prospektus ini, AF tidak mempunyai sebarang anak syarikat atau syarikat bersekutu.

### (iv) Rekod Keuntungan dan Dividen

Rekod keuntungan dan dividen teraudit AF bagi tempoh sejak pemerbadanannya pada 31 Julai 1999 adalah seperti berikut:-

	Tempoh kewangan berakhir 30 Jun 1995 RM'000	Tempoh			Tempoh kewangan berakhir 31 Julai 1999 RM'000
		Tahun kewangan berakhir 30 Jun 1996 RM'000	13 Bulan berakhir 31 Julai 1997 RM'000	Tahun kewangan berakhir 31 Julai 1998 RM'000	
Jumlah dagangan	3,233	5,750	6,353	13,977	11,432
Keuntungan sebelum cukai	2	472	400	611	462
Cukai	(1)	(144)	(111)	(174)	-
Keuntungan selepas cukai	1	328	289	437	462
Bil. saham biasa dalam terbitan ('000)	100	100	100	100	100
EPS bersih (RM)	0.01	3.28	2.67*	4.37	4.62
Kadar dividen kasar (%)	-	-	20	350	300

\* Disetahunkan

#### Nota:-

1. Jumlah dagangan bertambah bagi setiap tahun/ tempoh berikutnya sejak AF memulakan operasinya akibat daripada usaha pemasaran yang bertambah dan pemerolehan projek-projek baru. Jumlah dagangan meningkat dengan banyaknya bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1998 akibat daripada lebih banyak projek baru diperolehi dalam tahun. AF juga mendapat faedah daripada penyediaan khidmat perhiasan dalaman dan perlengkapan perabot bagi pelanggan-pelanggan Apota.
2. Peningkatan dalam keuntungan sebelum dan selepas cukai bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 1996 adalah sejajar dengan jumlah dagangan yang lebih tinggi dengan tiada kenaikan sepadan yang material dalam perbelanjaan pentadbiran.

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (Samb)

3. Keuntungan AF bagi tempoh 13 bulan berakhir 31 Julai 1997 berkurangan disebalik peningkatan dalam jumlah dagangan akibat daripada margin bersih lebih rendah, memandangkan margin yang berbeza diperolehi daripada projek-projek yang berlainan.
4. Peningkatan dalam keuntungan sebelum dan selepas cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1998 adalah sejajar dengan jumlah dagangan yang lebih tinggi, di sebalik margin kasar yang berkurangan akibat persaingan yang semakin bertambah dan keadaan ekonomi yang kurang baik.
5. Sejajar dengan aliran menurun keseluruhan pasaran harta, jumlah dagangan AF berkurangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999, yang juga mengakibatkan keuntungan sebelum cukai yang lebih rendah. Walau bagaimanpun, keuntungan selepas cukai bertambah memandangkan tahun 1999 adalah tahun dikecuali cukai.
6. AF mengubah akhir tahun kewangannya daripada 30 Jun pada 31 Julai pada 1997 untuk berakhir bersama dengan syarikat pemegangannya, THB
7. Tidak ada perkara luar biasa dan terkecuali dalam mana-mana tempoh kewangan/ tahun di bawah kajian.

### 9.5.7 TW

#### (i) *Sejarah dan Perniagaan*

TW diperbadankan di Malaysia pada 5 Ogos 1996 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah Akta Syarikat, 1965 sebagai Gerimis Armada Sdn Bhd. Pada 16 Disember 1997, ia menguna nama semasanya. TW pada masa ini adalah lengai tetapi ia merancang untuk menumpukan kegiatan masa depannya kepada rekabentuk, perkilangan dan eksport keluaran kayu dipaten.

#### (ii) *Modal Saham*

	Bil. saham biasa	Nilai Tara (RM)	Jumlah (RM)
Dibenarkan	100,000	1	100,000
Diterbitkan dan berbayar	2	1	2

Perubahan dalam modal saham diterbitkan dan berbayar TW sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:-

Tarikh peruntukan	Bil. saham biasa	Balasan	Jumlah (RM)
05.08.96	2	Saham-saham pelanggan	2

#### (iii) *Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu*

Pada tarikh Prospektus ini, TW tidak mempunyai sebarang anak syarikat dan syarikat bersekutu.

#### (iv) *Rekod Keuntungan dan Dividen*

Syarikat belum lagi memulakan operasinya sejak diperbadankan.

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (Samb)

### 9.5.8 PCC

#### (i) Sejarah dan Perniagaan

PCC diperbadankaan di Malaysia pada 26 Julai 1985 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah Akta Syarikat, 1965 sebagai Fairwind Corporation Sdn Bhd. Pada 22 April 1987, ia menggunakan nama semasanya. PCC terlibat dalam perdagangan rantai penyampai dan alat-alat kejuruteraan. PCC mempunyai 4 kakitangan.

#### (ii) Modal Saham

	Bil. saham biasa	Nilai Tara (RM)	Jumlah (RM)
Dibenarkan	100,000	1	100,000
Diterbitkan dan berbayar	100,000	1	100,000

Perubahan dalam modal saham diterbitkan dan berbayar PCC sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:-

Tarikh peruntukan	Bil. saham biasa	Balasan	Jumlah (RM)
26.07.85	2	Saham-saham pelanggan	2
19.11.97	99,998	Tunai	100,000

#### (iii) Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu

Pada tarikh Prospektus ini, PCC tidak mempunyai sebarang anak syarikat atau syarikat bersekutu.

#### (iv) Rekod Keuntungan dan Dividen

Rekod keuntungan dan dividen teraudit PCC bagi lima (5) tahun yang lepas dan tujuh (7) bulan berakhir 31 Julai 1999 adalah seperti berikut:-

	<-Tahun kewangan berakhir 31 Disember-->			Tempoh 7 bulan berakhir 31 Julai 1997	<-Tahun kewangan berakhir 31 Julai-->	
	1994 RM'000	1995 RM'000	1996 RM'000		1998 RM'000	1999 RM'000
Jumlah dagangan	2,809 =====	2,831 =====	2,664 =====	1,531 =====	2,679 =====	1,482 =====
Keuntungan sebelum cukai	2	62	249	166	96	432
Cukai	-	(10)	(75)	(47)	(31)	-
Keuntungan selepas cukai	2 =====	52 =====	174 =====	119 =====	65 =====	432 =====
Purata wajaran bil. saham biasa dalam terbitan	2 saham	2 saham	2 saham	2 saham	70	100
EPS bersih (RM)	>100	>100	>100	>100	0.93	4.32
Kadar dividen kasar (%)	-	-	-	>100	20	50

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (Samb)

### Nota:-

1. *Bagi tahun-tahun kewangan berakhir 31 Disember 1994 dan 1995, PCC menggunakan strategi perletakan harga bersaingan untuk menembusi pasaran sasarnya dan untuk menambahkan bahagian pasarannya. Ini mengakibatkan keuntungan selepas cukai yang rendah dengan jumlah dagangan yang lebih tinggi. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 1996, keuntungan meningkat memandangkan PCC telah memperolehi kedudukan yang lebih kukuh dalam pasaran dan menikmati penjimatan daripada ekonomi bidangan.*
2. *Jumlah dagangan lebih tinggi bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1998 adalah akibat daripada usaha pemasaran yang semakin bertambah oleh PCC. Keuntungan selepas cukai bagi tahun adalah lebih rendah akibat daripada kerugian terjemahan pertukaran asing sebanyak RM143,000.*
3. *Kenaikan dalam harga komponen diimport mengakibatkan permintaan yang lebih rendah dan jumlah dagangana yang lebih randah bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999. Keuntungan selepas cukai bagi tahun bertambah disebabkan laba terjemahan pertukaran asing sebanyak RM126,000 serta juga tahun 1999 merupakan tahun dikecuali cukai.*
4. *PCC mengubah akhir tahun kewangannya daripada 31 Disember kepada 31 Julai pada 1997 untuk berakhir bersama dengan syarikat pemegangannya, THB*
5. *Tidak ada perkara luar biasa atau terkecuali dalam mana-mana tempoh/tahun kewangan di bawah kajian.*

### 9.5.9 TP

#### (i) *Sejarah dan Perniagaan*

Syarikat diperbadankan di Malaysia pada 7 April 1993 di bawah Akta Syarikat, 1965 sebagai Harvest Consult Sdn Bhd. Ia menggunakan nama semasanya pada 10 Februari 1996. TP tidak memulakan lagi operasinya sejak tarikh ia pemerbadanannya. Kegiatan utama yang dirancang ialah pemegangan pelaburan.

#### (ii) *Modal Saham*

	Bil. saham biasa	Nilai Tara (RM)	Jumlah (RM)
Dibenarkan	25,000	1	25,000
Diterbitkan dan berbayar	2	1	2

Perubahan dalam modal saham diterbitkan dan berbayar TP sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:-

Tarikh peruntukan	Bil. saham biasa	Balasan	Jumlah (RM)
07.04.93	2	Saham-saham pelanggan	2

#### (iii) *Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu*

Pada tarikh Prospektus ini, TP tidak mempunyai sebarang anak syarikat atau syarikat bersekutu.

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (*Samb*)

### (iv) *Rekod Keuntungan dan Dividen*

TP belum lagi memulakan operasinya sejak tarikh ia diperbadankan.

#### 9.5.10 SY

##### (i) *Sejarah dan Perniagaan*

SY diperbadankan di Malaysia pada 5 Mac 1993 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah Akta Syarikat, 1965. Kegiatan utama syarikat adalah pemprosesan rawatan kayu getah, dan sebagai pengilang dan pedagang kayu beracuan dan pengilang perabot kayu getah. Ia juga mengeluarkan dan mengeksport set meja makan.

SY pada masa ini mempunyai tenaga kerja seramai 225 kakitangan. Daripada menjadi pembekal kayu getah tanur kering dirawat tekanan ("PTKD") yang merupakan bahan mentah utama bagi industri perabot kayu getah, ia mempelbagai ke dalam pengeluaran perabot pada 1997. SY telah diambil alih pada Jun 1999 untuk menyediakan sokongan huluan bagi Tomisho.

Proses merawat kayu getah bermula dengan kayu getah basah dirawat secara tekanan dan dirawat menggunakan kimia selama tiga hingga empat jam sebelum ditempatkan dalam bilik pengeringan tanur, yang menerima wap panas daripada dangdang. Proses ini memerlukan 10 hingga 25 hari bergantung kepada ketebalan kayu. SY mempunyai 2 loji kimia dan 25 bilik pengeringan tanur bagi tujuan rawatan tekanan kayu getah dan untuk memenuhi permintaan kukuh bagi kayu getah. SY mempunyai keupayaan bulanan mengeluarkan lebih kurang 3,000 tan metrik kayu digergaji kasar dikering tanur. Pengeluaran buulan semasa SY berjumlah 2,000 tan metrik.

Bagi kegiatan pengeluaran perabotnya sendiri, SY telah menyediakan 5 talian pengeluaran bagi proses pengacuan untuk mendapat bekalan tetap bahan mentah yang diperlukan. SY mempunyai 5 talian dikenal pasti untuk proses mengilang bahagian dan komponen perabot, 6 talian perlengkapan dan pengecatan dan 2 talian pembungkusan bagi kegiatan pengeluaran perabotnya. SY pada masa ini mengeluarkan 180,000 set meja makan (1 set mengandungi 5 unit) setahun, pada dua shif 8 jam setiap satu.

Penggunaan pelbagai jenis bahan mentah oleh SY bergantung pada keperluan pelanggan. Secara umumnya, lebih kurang 90% daripada penggunaan bahan mentah di SY adalah kayu getah dengan baki selebihnya terdiri daripada kayu-kayu tropika lain. SY memperolehi bahan mentahnya daripada pembekal-pembekal tempatan.

SY menumpukan pada rangkaian keluaran yang terhad, yang termasuk set meja makan 5 unit, meja komputer, bangku bar dan PTKD. Loji pengeluaran SY terletak secara strategik kesemuanya di atas 3 lot tanah berukuran seluas 700,000 kaki persegi. Pasaran utama SY adalah USA dan Timur Tengah.

Keupayaan pengeluaran SY bagi lima (5) tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 adalah seperti berikut:-

Keluaran	1995	1996	1997	1998	1999
1. Kayu beracuan	7,000 ton	15,400 ton	30,000 ton	36,000 ton	36,000 ton
2. Set meja makan 5 unit	-	-	55,000 Unit	90,000 Unit	180,000 Unit

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (*Samb*)

Output pengelauran SY bagi lima (5) tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 adalah seperti berikut:-

Keluaran	1995	1996	1997	1998	1999
1. Kayu beracuan	6,700 ton	15,000 ton	21,800 ton	23,500 ton	25,000 ton
2. Set meja makan 5 unit	-	-	35,100 Unit	63,500 Unit	138,000 Unit

### (ii) *Modal Saham*

	Bil. saham biasa	Nilai Tara (RM)	Jumlah (RM)
Dibenarkan	5,000,000	1	5,000,000
Diterbitkan dan berbayar	5,000,000	1	5,000,000

Perubahan dalam modal saham diterbitkan dan berbayar SY sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:-

Tarikh peruntukan	Bil. saham biasa	Balasan	Jumlah (RM)
05.03.93	2	Saham-saham pelanggan	2
22.03.93	199,998	Tunai	200,000
18.10.95	50,000	Tunai	250,000
02.05.96	50,000	Tunai	300,000
18.07.97	300,000	Tunai	600,000
12.05.98	400,000	Tunai	1,000,000
21.05.99	4,000,000	Terbitan Bonus (4 untuk 1)	5,000,000

### (iii) *Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu*

Pada tarikh Prospektus ini, SY tidak mempunyai sebarang anak syarikat atau syarikat bersekutu.

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (*Samb*)

### (iv) *Rekod Keuntungan dan Dividen*

Rekod keuntungan dan dividen teraudit SY bagi tempoh sejak tarikh ia diperbadankan sehingga 31 Julai 1999 adalah seperti berikut:-

	Tempoh kewangan berakhir 31 Ogos 1994 RM'000	←--Tahun kewangan berakhir 31 Ogos--→					Tempoh 11 bulan berakhir 31 Julai 1999 RM'000
		1995 RM'000	1996 RM'000	1997 RM'000	1998 RM'000		
		<hr/>					
Jumlah dagangan	2,574	5,367	12,102	14,022	21,894	37,755	<hr/>
Keuntungan sebelum cukai	22	164	1,188	1,791	1,858	4,977	<hr/>
Cukai	-	(15)	(63)	(79)	(130)	(901)	<hr/>
Keuntungan selepas cukai	22	149	1,125	1,712	1,728	4,076	<hr/>
Purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan ('000)	4,200	4,200	4,251	4,336	4,723	5,000	<hr/>
EPS bersih (sen)	0.52	3.54	26.46	39.48	36.58	81.52	<hr/>
Kadar dividen kasar (%)	-	-	-	-	-	-	<hr/>

#### **Nota:-**

1. *Jumlah dagangan bertambah daripada tempoh kewangan berakhir 31 Ogos 1994 hingga tahun kewangan berakhir 31 Ogos 1997 akibat daripada ekonomi bidangan yang diperoleh oleh SY daripada pemindahan tumpuananya daripada pelbagai rangkaian produk kepada set meja makan. Keuntungan sebelum dan selepas cukai juga bertambah sejajar dengan peningkatan dalam jumlah dagangan.*
2. *Jumlah dagangan meningkat bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 1998 tempoh kewangan berakhir 31 Julai 1999 akibat daripada pembesaran kawasan pengeluaran SY dan peningkatan kemudahan pengeluarannya. Peningkatan dalam keuntungan adalah sejajar dengan peningkatan dalam jumlah dagangan.*
3. *Peningkatan besar dalam keuntungan selepas cukai bagi tempoh kewangan berakhir 31 Julai 1999 boleh dikaitkan kepada kejayaan perniagaan pengeluaran set meja makan SY, yang berakhir dengan jumlah dagangan yang semakin bertambah dan margin kasar yang lebih baik dengan tiada kenaikan yang sepadan dalam kos pentadbiran.*
4. *SY mengubah akhir tahun kewangannya daripada 31 Ogos kepada 31 Julai pada 1999 untuk berakhir bersama dengan syarikat pemegangan induknya, THB*
5. *Kadar cukai berkesan bagi tahun/tempoh kewangan berakhir 31 Ogos 1995 hingga 31 Julai 1999 adalah lebih rendah daripada kadar berkanun memandangkan SY telah diberi elain cukai pelaburan di bawah Akta galakan Pelaburan, 1986 bagi pengeluaran perabot dan bahagian perabot kayu. Caj cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999, yang merupakan tahun dikecualikan cukai, berkait kepada kesan cukai atas perbezaan pemasaan.*
6. *Tidak ada perkara luar biasa atau terkecuali dalam mana-mana tempoh/tahun di bawah kajian.*

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (*Samb*)

### 9.5.11 TS (UK)

#### (i) *Sejarah dan Perniagaan*

TS (UK) diperbadankan di England dan Wales pada 28 Julai 1997 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad. Syarikat bertindak sebagai pejabat pemasaran bagi Kumpulan THB di luar negara untuk meluaskan operasinya di UK dan pasaran Eropah. TS (UK) mempunyai dua kakitangan.

#### (ii) *Modal Saham*

	Bil. saham biasa	Nilai Tara (BP)	Jumlah (BP)
Dibenarkan	100	1	100
Diterbitkan dan berbayar	1	1	1

Modal saham diterbitkan dan berbayar TS (UK) sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:-

Tarikh peruntukan	Bil. saham biasa	Balasan	Jumlah (BP)
28.07.97	1	Saham-saham pelanggan	1

#### (iii) *Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu*

Pada tarikh Prospektus ini, TS (UK) tidak mempunyai sebarang anak syarikat dan syarikat bersekutu.

#### (iv) *Rekod Keuntungan dan Dividen*

Rekod keuntungan dan dividen teraudit TS (UK) sejak pemerbadanannya sehingga 31 Julai 1999 adalah seperti berikut:-

	Tempoh kewangan berakhir 31 Julai 1998 BP'000	Tempoh kewangan berakhir 31 Julai 1999 RM'000	Tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 BP'000	Tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 RM'000
Jumlah dagangan	-	-	84	517
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai	(87)	(591)	7	95
Totak: Cukai	-	-	-	-
(Kerugian)/Keuntungan selepas cukai	(87)	(591)	7	95
Bil. saham biasa 'A' bernilai daripada BP1 setiap satunya dalam terbitan	1	1	1	1
EPS bersih (BP)	-	-	>100	>100
Kadar dividen kasar (%)	-	-	-	-

---

**9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN (*Samb*)**

---

**Nota:-**

1. Kerugian yang ditanggung TS (UK) bagi tempoh kewangan berakhir 31 Julai 1998 adalah disebabkan oleh kos bagi penyediaan operasi.
2. Jumlah dagangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 berkaitan dengan yuran pengurusan boleh diterima daripada THB
3. Penukaran jumlah daripada BP kepada RM adalah berdasarkan kadar yang wujud pada tarikh urusniaga itu. Kadar purata yang digunakan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Julai 1998 ialah BP1: RM6.60, manakala kadar purata yang digunakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 ialah BP1: RM6.10.
4. Tidak terdapat butiran luar biasa atau terkecuali dalam mana-mana tempoh/tahun kewangan yang ditinjau.

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN THB (*Samb*)

### 9.6 PENGARAH, PENGURUSAN KANAN DAN KAKITANGAN

#### 9.6.1 LEMBAGA PENGARAH

Butir-butir Lembaga Pengarah THB (“Lembaga”) ialah seperti berikut:-

**Lim Eng Huat**, berusia 43 tahun, telah dilantik ke Lembaga pada 17 Januari 1996. Kini beliau adalah Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan THB. Beliau mendapat ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Kejuruteraan Mekanikal dari University of London, UK. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1980 sebagai jurutera projek/perunding dengan Kumpulan Emas Berhad (“KEB”) berunding dan menjalankan projek-projek utama kilang minyak sawit KEB. Dari tahun 1982 beliau menyertai United Engineers (Malaysia) Berhad sebagai pengurus jualan dan bertanggungjawab terhadap seluruh jabatan kejuruteraan di seluruh Malaysia. Di samping terlibat dalam perancangan dan pemasaran keluaran kejuruteraan, bidang tanggungjawabnya juga termasuk membangunkan agensi dan keluaran baru untuk melengkapi perniagaan mereka yang sedia ada. Dari tahun 1984 hingga 1985, beliau menjadi pengurus kejuruteraan dengan Sabimas Corporation Sdn Bhd, sebuah syarikat yang bergiat terutamanya dalam kejuruteraan dan perdagangan, di mana tanggungjawab beliau ialah mencari perniagaan baru dan menguruskan agensi-agensi bagi keluaran kejuruteraan. Kemudiannya, beliau menubuhkan Tomisho pada September 1985, dan sebagai Pengarah Urusan, beliau bertanggungjawab terhadap pengurusan keseluruhan dan pengendalian Kumpulan THB. Beliau telah membuat banyak rombongan ke luar negara dalam industri perabot antarabangsa untuk menimba pengetahuan dalam perkilangan, pengeksportan, pemasaran, perdagangan, pengedaran, serta peruncitan perabot dan keluaran berkaitan. Beliau juga merupakan salah seorang pengasas dan bekas Presiden Persatuan Siswazah British Malaysia sebelum presiden yang sekarang ini. Beliau telah menjadi ahli majlis Pertubuhan Komonwel Diraja selama lebih daripada satu dekad. Beliau tidak memegang sebarang jawatan pengarah yang lain.

**Lim Eng Ann**, berusia 44 tahun, telah dilantik ke Lembaga pada 17 Januari 1996 sebagai pengarah eksekutif. Beliau telah berkecimpung dalam industri perkilangan berasaskan kayu selama 21 tahun. Pada tahun 1976, beliau memulakan perniagaannya sendiri, yang kebanyakannya berkaitan dengan pembalakan, pengilangan papan dan eksport kayu digergaji. Pada tahun 1985, beliau menyertai Tomisho dan bertanggungjawab terhadap pemasaran, perkilangan dan pengeksportan rotan, kayu digergaji, alat-alat pengacuan serta komponen-komponen perabot. Apabila Tomisho menceburi perabot kayu getah pada tahun 1990, beliau bertanggungjawab terhadap pemasaran dan pengeksportan keluaran siap. Beliau tidak memegang sebarang jawatan pengarah yang lain.

**Zahari bin Kechik**, berusia 40 tahun, telah dilantik ke Lembaga pada 25 Ogos 1999. Beliau mendapat ijazah LL.B (Kepujian) dari Institut Teknologi MARA pada November 1990 sebelum menyertai Jabatan Kehakiman Malaysia pada Disember 1990 di mana beliau berkhidmat sebagai Majistret dengan beberapa Mahkamah Majistret di Kedah sehingga beliau meletakkan jawatan pada Julai 1992. Beliau kemudiannya menyertai firma undang-undang Adhan & Co pada Mei 1993 sebagai rakan kongsi sehingga sekarang ini. Beliau bergiat cergas dalam politik. Beliau adalah Ketua Pemuda UMNO bahagian Jeli di Kelantan dan telah dilantik sebagai Ketua Pemuda UMNO Negeri bagi negeri Kelantan. Beliau telah menjadi ahli jawatankuasa pengurusan bagi Majlis Sukan Negeri Kelantan sejak lima tahun lalu. Dalam gerakan belia, beliau telah dipilih sebagai Pengerusi bagi Gerakan Belia 4B Malaysia, kawasan Jeli. Beliau juga merupakan pengarah Seacera Tiles Berhad, iaitu sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham BSKL, dan Kesedar Dagang Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat Kesedar di Kelantan.

---

**9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN THB (*Samb*)**

---

**Kee Lian Yong**, berusia 43 tahun, telah dilantik ke Lembaga pada 23 Mei 1996. Beliau adalah Ahli Fellow Chartered Association of Certified Accountant. Beliau memulakan kerjayanya pada Jun 1980 dengan menyertai Othman, Hew & Tan, iaitu sebuah firma perakaunan yang sudah mantap, selama 2 tahun. Beliau menyertai satu kumpulan syarikat pembangunan harta sebagai akauntan pada tahun 1982. Pada tahun 1986, beliau telah dilantik sebagai pengawal kewangan MCB Holdings Berhad. Kemudian beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Dayapi Industries Bhd (sekarang dikenali sebagai Golden Plus Holdings Bhd) pada tahun 1988 dan membantu menyusun semula syarikat ini daripada masalah kewangan, pengendalian dan pengurusannya. Pada tahun 1989, beliau menyertai Emtex Corporation Bhd (sekarang dikenali sebagai PJD Development Holdings Bhd) sebagai perancang korporat. Pada tahun 1990, beliau telah ditukarkan ke Duff Bhd (sekarang dikenali sebagai Anson Perdana Bhd), sebagai ketua pegawai pengendaliannya. Pada tahun 1992, beliau berhenti dari Anson Perdana Bhd untuk menceburi bidang perniagaan bersama dengan rakan perniagaannya untuk membentuk Kinta Plus Industries Sdn Bhd dan Shimara Holdings Sdn Bhd, yang bergiat terutamanya dalam perdagangan bahan binaan dan kayu, serta pengilangan serbuk perindustrian, pengkuarian dan pengeluaran marmar. Beliau menyertai KEB sebagai pengarah eksekutif pada tahun 1995.

**Liew Yong Choon**, berusia 51 tahun, telah dilantik ke Lembaga pada 28 November 1997. Beliau mendapat ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya pada tahun 1974. Pada tahun 1975, beliau menyertai Polis Diraja Malaysia sebagai Pelatih Pembantu Penguasa Polis. Beliau telah berkhidmat dengan Polis Diraja Malaysia selama 23 tahun dan memilih persaraan awal pada tahun 1997. Kali terakhir beliau berkhidmat ialah dengan Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia di Bukit Aman sebagai Pesuruhjaya Kanan Polis. Beliau tidak memegang sebarang jawatan pengarah yang lain.

**Lim Seng Chai**, berusia 38 tahun, telah dilantik ke Lembaga pada 23 Jun 1999. Beliau mendapat ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) mengkhusus dalam Fizik dari Universiti Malaya pada tahun 1985. Pada tahun 1988, beliau mendapat ijazah Undang-undang (Kepujian) dari University of London. Beliau diterima masuk ke Badan Peguam England and Wales pada tahun 1990 dan merupakan ahli Honourable Society of Lincoln's Inn dan telah diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia pada tahun 1991. Kini rakan kongsi di firma undang-undang SC Lim & Partners, beliau juga merupakan penasihat undang-undang bagi banyak persatuan dan pertubuhan berdaftar di negeri Selangor. Beliau mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam litigasi korporat dan hal-hal pemindahhakan, dan beliau juga bergiat cergas dalam pembinaan, hartanah, perbankan dan litigasi perdagangan. Beliau juga merupakan pengarah KEB.

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN THB (*Samb*)

---

**Md Nahar bin Nordin**, berusia 42 tahun, telah dilantik ke Lembaga pada 2 Disember 1999. Pada tahun 1980, beliau menjadi Pengurus Perniagaan dengan Arthur Commodities Sdn Bhd, KL selama dua tahun. Tanggungjawab beliau termasuklah pemasaran dan pembangunan perniagaan serta menyelia dan melatih pasukan pemasaran. Beliau kemudiannya mendapat ijazah Sarjana Muda Sains mengkhusus dalam Kewangan dari University of Pacific, Stockton, California, Amerika Syarikat pada tahun 1984. Pada tahun 1985, beliau memperoleh ijazah MBA Kewangan dari California State University, Hayward, California, Amerika Syarikat. Pada tahun 1989, beliau telah dilantik sebagai Penolong Naib Presiden Citibank, KL, di mana beliau bertanggungjawab dalam pemasaran produk kewangan. Pada tahun 1990, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah Urusan Metacorp Berhad yang mengilang zink oksida. Beliau bertanggungjawab dalam penyusunan semula dan penyenaraian Metacorp Berhad di Papan Kedua BSCL. Beliau bekerja sendiri selama empat tahun sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Capitalcorp Securities Sdn Bhd pada tahun 1996. Beliau juga menjadi ahli lembaga pengarah Prestar Resources Berhad dan Habib Corporation Berhad.

**Siew Boon Yeong**, berusia 41 tahun, telah dilantik ke Lembaga pada 2 Disember 1999. Beliau lulus sebagai Akauntan Awam Diperakui (CPA) pada tahun 1984 dan kini merupakan ahli Malaysian Association of Certified Public Accountants (MACPA), sebagai Akauntan Awam dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan rakan sekutu Institut Percukaian Malaysia (MIT). En. Siew memulakan kerjaya pengauditannya dan latihan profesionalnya dengan firma perakaunan Coopers & Lybrand pada tahun 1978 sebelum membuka praktiknya sendiri pada tahun 1988. Beliau kini merupakan pengamat tunggal firma perakaunan awam Siew Boon Yeong & Associates. Beliau mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam pengaudit, perakaunan, perancangan cukai, dan ketekunan dalam membekalkan perkhidmatan berkaitan bagi penggabungan dan pengambilalihan, urusan pembiayaan projek dan korporat, perundingan pengurusan serta perkhidmatan jagaan korporat dan ketakmampuan bayar. En. Siew tidak memegang sebarang jawatan pengarah yang lain.

### 9.6.2 PENGURUSAN KANAN

Butir-butir mengenai pengurusan kanan Kumpulan THB adalah seperti berikut:-

**Cheam Tow Yong**, berusia 44 tahun, adalah Ketua Pegawai Pengendalian Kumpulan sejak beliau menyertai THB pada Mac 1999. Beliau mendapat ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari University of Otago pada tahun 1978. Beliau juga merupakan Akauntan Berkanun dari Persatuan Akauntan Berkanun New Zealand dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau mempunyai pengalaman selama 14 tahun dalam bidang pengurusan kewangan sebagai Pengurus Perakaunan/Pengawal Kewangan dengan organisasi-organisasi tempatan dan multinasional. Sebelum menyertai THB, beliau mempunyai pengalaman 5 tahun sebagai Pengarah Urusan Thomson-CSF Passive Components (M) Sdn Bhd, iaitu syarikat elektronik multinasional milik Perancis di Pulau Pinang.

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN THB (*Samb*)

**Kwok Khuen Phun**, berusia 43 tahun, merupakan Pengawal Kewangan Kumpulan, Kumpulan THB. Beliau menyertai THB pada Ogos 1999 dan menyelia sistem maklumat pengurusan, fungsi-fungsi kewangan, perbendaharaan dan sumber manusia. Beliau memulakan kerjayanya pengauditannya pada tahun 1981 sebagai pelatih di sebuah firma audit yang sederhana besarnya bertempat di Manchester, England. Beliau mendapat ijazah Ekonomi mengkhusus dalam Kewangan dan Pelaburan dari University of Manchester. Sekembalinya beliau ke Malaysia pada tahun 1982, beliau menyertai sebuah bank tempatan sebagai pegawai kanan di jabatan audit dalamannya. Beliau berhenti pada tahun 1990 untuk menyertai Cycle & Carriage sebagai Ketua Audit di bahagian motor. Selepas itu, beliau pergi ke Arab Saudi untuk bekerja dengan Kumpulan Al-Mojil sebagai Ketua Audit dan Sistem Kumpulan. Beliau kembali ke Malaysia pada tahun 1995 untuk menyertai Kumpulan Acmar sebagai Ketua Audit. Kumpulan Acmar bergiat terutamanya dalam pembangunan harta, pembinaan, perkilangan, riadah dan hiburan. Beliau menyertai KEB pada September 1997 sebagai Ketua Sistem dan Audit dan kemudiannya dipinjamkan untuk menjawat jawatannya sekarang.

**Ng Ah Chai**, berusia 37 tahun, merupakan pengarah urusan SY. Penglibatan beliau dalam perdagangan kayu bermula pada tahun 1985 apabila beliau memulakan perniagaan pengilangan papan secara perkongsian. Pada tahun 1991, beliau mengembangkan perniagaannya dengan menceburi pengeluaran perabot kayu tropika untuk pasaran tempatan. Apabila perniagaan pengilangan papannya dihentikan pada tahun 1993, beliau sama-sama mengasaskan SY yang bermula sebagai perniagaan keringan tanur dan pemprosesan kayu. Dengan bimbingannya, SY kemudiannya menceburi pula pengeluaran komponen-komponen perabot dan bahagian-bahagian perabot separuh siap pada tahun 1995 sebelum menceburi pengeluaran perabot kayu getah siap pada tahun 1998.

**Lim Eng Peng**, berusia 49 tahun, merupakan Penolong Pengurus Besar ASWP dan bertanggungjawab dalam pengurusan dan pembangunan ASWP. Beliau juga bertanggungjawab dalam fungsi-fungsi pembelian Kumpulan. Beliau merupakan salah seorang kakitangan perintis dan mempunyai pengalaman lebih 10 tahun dalam industri berasaskan kayu. Sebelum menyertai Tomisho pada Januari 1995, beliau bekerja dengan Syarikat Eng San Sawmill, iaitu sebuah syarikat yang bergiat terutamanya dalam pembalakan dan pengilangan papan.

**Loh Sau Han**, berusia 34 tahun, merupakan Pengurus Kewangan THB. Beliau adalah ahli sekutu Institut Akauntan Pengurusan Berkanun, UK dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Selepas memperoleh ijazah pada tahun 1993, beliau bekerja di UK sebelum menyertai kumpulan syarikat-syarikat Singapura sekembalinya ke Malaysia pada tahun 1994. Beliau telah memegang jawatan pengurus selama beberapa tahun dan mempunyai pengalaman yang luas dalam kewangan dan akaun. Sebelum menyertai THB pada tahun 1998, beliau bekerja selama 2 tahun dengan anak syarikat milik penuh General Motor Corporation, Amerika Syarikat, yang bergiat terutamanya dalam pengeluaran kenderaan bermotor.

**Yap Chang Kang**, berusia 42 tahun, merupakan pengurus kilang dan bertanggungjawab terhadap salah sebuah kilang Tomisho. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Mekanikal dari University of London yang diperolehnya pada tahun 1978. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1980 sebagai jurutera dengan Universal Furniture sebelum bertugas dengan Cahajaya Industries selama 18 tahun sebagai Pengurus Kilang. Sebelum menyertai Tomisho pada tahun 1998, beliau menjadi Pengurus Besar Terachi (M) Sdn Bhd selama 5 tahun. Terachi (M) Sdn Bhd bergiat terutamanya dalam pengilangan papan, pemprosesan kayu getah, pengeluaran bod berlapis dan komponen-komponen perabot.